



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 26 BILANGAN 26

RABU 1HB JULAI, 1981.

1401 رابو 28 شعبان

PERCHUMA

**Untuk tingkatan mutu
bachaan Al-Kor'an :**

KURSUS HAFAZ AL-KOR'AN AKAN DI-ADAKAN — Titah

Oleh : Ja'afar Ibrahim



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei menyampaikan Piala Kejohanan kepada johan qari, Awang Haji Md Yusof bin Haji Abu Bakar.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Sir Muda Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah menegaskan bahawa Kerajaan Baginda telah mengambil langkah bagi mengadakan satu latihan kursus menghafaz Al-Kor'an untuk meningkatkan lagi mutu bachaan Al-Kor'an di-negeri ini.

Baginda Yang Dipertuan bertitah bahawa sungguh pun kita telah menunjukkan kebolehan di-bidang pembachaan Al-Kor'an di-perangkat antarabangsa tetapi satu perkara yang amat mustahak di-beri perhatian ialah mengenai dengan amalan2 dan sikap2 kita yang berpandukan ajaran2 Al-Kor'an.

PERLU DI-FAHAMI

Kursus sa-umpama itu, titah Baginda ia-lah bagi melahirkan anak2 Brunei yang hafaz dalam bidang pembachaan Al-Kor'an yang di-asoh dan di-bimbing di-dalam Negeri Brunei sendiri.

AJARAN2 AL-KOR'AN

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan telah menegaskan demikian ketika bertitah sa-jurus sa-belum menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 pertandingan membachaa Al-Kor'an bahagian dewasa perangkat negeri pada minggu lalu.

Perkara yang amat penting itu, titah Baginda salanjut-nya, telah di-cherminikan dalam tema yang di-pilih untuk tahun ini yang berbunyi "AL-KOR'AN ASAS KEBAGIAAN HIDUP" yang mana menurut Baginda maksud tema itu perlu di-fahami dan di-resapi dalam hati sanubari kita.

Untuk itu, Baginda telah menyeru Umat Islam di-negeri ini supaya mempelajari dan memahami akan ajaran2 Al-Kor'an menerusi bahasa yang dapat di-fahami kerana ajaran2 Al-Kor'an banyak yang tersibar dan tertulis dalam bahasa Melayu salain daripada Bahasa Arab.

KEISLAMAN

Ini ada-lah amat mustahak di-lakukan kerana Brunei sekarang ini memerlukan raayat dan penduduk yang mempunyai sikap dan pegangan ke-Islaman yang kukuh supaya segala apa2 jua perbuatan kita tidak akan terkeluar dari garis2 yang telah di-tetapkan oleh U gama Islam menurut Mazhab Shafiee dan Ahli Sunnah Wal-Jamaah, titah Baginda Yang Dipertuan.

Lihat muka 22

Umat Islam di-seru mempelajari kandungan Al-Kor'an sungguh2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah menyeru raayat dan penduduk di-negeri ini khas-nya yang beragama Islam supaya bersungguh2 pada mempelajari isi kandungan Al-Kor'an baik mengenai hukum2, tamsil ibarat dan lain2 lagi.

CHARA HIDUP

Dengan berbuat demikian, hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk menjadikan Islam sa-bagai chara hidup yang lengkap dalam masa tiga tahun sa-lepas mereka bersara.

Tambang haji pegawai bersara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai2 Kerajaan yang telah bersara dan berhak mendapat pengor-niaan tambang haji tidak lagi di-kehendaki memohon kornia tambang tersebut dalam masa tiga tahun sa-lepas mereka bersara.

Satu surat keliling Pejabat Setia Usaha Kerajaan yang di-keluarkan minggu ini menyebutkan bahawa



YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohd Bolkiah.

akan lebeh terlaksana lagi.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol

Himmah Wal-Waqar membuat seruan demikian ketika bersabda merasmikan Pertandingan Membachaa Al-Kor'an Perangkat Sa-Negeri bagi orang2 dewasa pada malam Rabu yang lepas.

PERHATIAN BERAT

Kerajaan, sabda Yang Teramat Mulia, sentiasa mengambil perhatian berat tentang pengajaran2 Al-Kor'an di-mana ajaran2 tersebut di-sibarkan menerusi berbagai-bagai chara yang boleh di-ambil menafaat-nya oleh raayat dan penduduk di-negeri ini.

"Apa yang di-perlukan ia-lah bagi kita memberikan sambutan serta menimbulkan kesedaran pada memahami akan ajaran2

Lihat muka 22

Hadapkan semula

"MULAI dari hari ini 1hb Julai, 1981 sa-tiap perjanjian pekerjaan yang di-tandatangani oleh pekerja dan majikan dan di-saksikan dengan sandatangan oleh Pesuruhjaya Buroh atau pegawai yang di-beri kuasa bagi pe-hak Pesuruhjaya Buroh hendaklah di-hadapkan semula kepada jabatan ini untuk di-batalkan sekira-nya pekerja itu di-berhentikan atau berhenti sendiri sa-belum pas kerja pekerja itu di-batalkan oleh Pengawal Imigresen.



Membersehk kubor

TUTONG. — Penduduk2 di-lima buah kampung di-daerah ini telah memuchang-muchang membersehk kubor orang2 Islam di-kampung2 yang berkenaan. Ini ada-lah merupakan sa-bagai salah satu kerja kebajikan bagi persediaan menyambut ketibaan Hari Raya yang jatuh di-dalam bulan Ogos ini. Lima buah kampung2 itu ia-lah Kampung Lamunin, Bang Nukat, Menengah, Tanjung Maya dan Bukit Sulang.

Pepereksaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebeh dari 1,000 orang penuntut telah menduduki pepereksaan bagi memasuki Sekolah Menengah Arab dan Sekolah Menengah Raja Isteri Anak Damit pagi Ahad lepas. Pepereksaan tersebut telah di-adakan di-tujuh buah pusat di-seluruh negeri.

J-kuasa TIBA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ahli2 jawatankuasa baru bagi Persatuan TIBA di-Daerah Brunei-Muara telah pun di-pilih dalam mashuarat agong tahunan persatuan tersebut bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Haji Muhammad Salleh di-Kampung Sungai Hanching, Jalan Muara pada hari Ahad lepas. Kira2 100 orang ahli persatuan tersebut telah hadir.

Borang penyertaan

TUTONG. — Borang2 permohonan bagi menyertai perarakan tanglong berjalan kaki dan perarakan kenakan di-ayer sempena perayaan sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan bagi Daerah Tutong kini telah dibuka.

Borang2 penyertaan kini hanya boleh di-dapati daripada ahli2 jawatankuasa pengajor di-Sekolah Melayu Sinaut dan di-Kampung2 Keriam dan Sinaut.

Perjumpaan puisi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angkatan Sasterawan dan Sasterawani Brunei, (Astasawani) pada malam Khamis lepas telah mengadakan perjumpaan puisi dari rumah karumah yang mana telah di-jalankan oleh sa-bilangan ahli2 peratuan tersebut. Perjumpaan puisi pada malam itu di-adakan di-rumah Awang Sumadi Sukaimi di-Kampung Tasak Meradun.

Manis-nya Iman

ABU UMAMAH Sudai bin 'Ajlan Al-Bahili (r.a.) mengkhabarkan: yang beliau pernah mendengar Rasulullah s.a.w. berkhutbah dalam perbincungan haji terakhir sa-belum Baginda wafat dengan sabda-nya: "Beritakwalah kamu kepada Allah, dirikanlah sembahyang kamu yang lima waktu, kerjakanlah puasa Ramadhan kamu, dan ta'atilah pemimpin2 kamu — nescaya kamu akan memasuki surga (rahmat) Tuhan kamu." — Di-riwayatkan oleh At-Tarmizi.


Pelita Brunei

 ANNUAL
RASMI
KERAJAAN
BRUNEI

IHB JULAI, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah
dan maha penyayang*

PUASA YANG DI-TUNGGU2KAN

ALHAMDULILLAH, sekali lagi kita akan menem-poh bulan Puasa dan kita Umat Islam akan mulai berpuasa di-bulan yang berkat itu sama ada pada hari Jumaat atau Sabtu ini bergantung kepada hasil peng-lihatan anak bulan Ramadhan yang akan di-lakukan esok.

Bulan yang berkat itu sa-memang-nya di-tunggu2-kan oleh Umat Islam pada sa-tiap tahun. Ada ter-dapat beberapa perkara kenapa bulan yang berkat itu menjadi taget utama Umat Islam pada sa-tiap tahun. Kita sedar bahawa walau pun tidak di-tunggu, bulan Ramadhan pasti menjelang. Tetapi kita juga harus menyedari bahawa sa-tengah2 dari kita berada dalam keadaan yang gelisah menunggu bulan yang mulia itu. Ada bermacam2 sebab kenapa bulan itu men-jadi kegelisahan.

Antara sebab2 itu ia-lah bahawa sa-tengah2-nya gelisah menunggu ketibaan bulan yang berkat itu ke-rana mahu melaksanakan peribadatan sa-banyak yang mungkin. Ini akan bertambah2 ghairah lagi di-kalangan yang mahu mempraktikkan dan menguji sa-tinggi mana tingkatan ketakwaannya itu dapat di-chapai, kerana hanya bulan Puasa sahaja yang mempunyai disiplin2 ujian yang paling kental terutama-nya dalam soal untuk mengekang kehendak2 nafsu dalam banyak bahagian yang di-salurkan melalui pancha-inderanya. Golongan ini akan menjadikan bulan berkat itu sa-bagai medan pertempuran yang paling hebat untuk melawan musuh2 hidup yang di-kenderai oleh hawa nafsu.

Sa-tengah2-nya yang terdiri dari kalangan yang menyedari hakikat murni yang di-pandu oleh Islam dan menyedari terhadap langkah2 sumbang-nya, akan men-jadikan bulan yang berkat itu sa-bagai sa'at yang pal-ing baik untuk merafakkan dengan khusu' dan tawadhu' pengakuan kesilapan2 yang pernah di-lalui dan harapan pohonan taubat akan di-terima dengan lebeh meyakinkan lagi kerana di-bulan Ramadhan ada-lah mengandungi malam lailatul-qadar.

Sa-lain dari ini, sa-tengah2-nya yang menunggu dengan gelisah itu ia-lah kalangan2 yang menjadikan bulan yang berkat itu sa-bagai satu medan peraduan "bertahan-tahanan puasa." Ini antara-nya berlaku bagi kalangan muda-belia, yang baru akhil-baligh dan kanak2. Sa-tengah2 ibu-bapa menggalakkan perkara ini dengan menjanjikan hadiah2 untuk Hari Raya sama ada ia berbentuk wang ringgit, pakaian dan perhiasan2 yang akan di-pakai untuk hari yang mulia itu nanti. Sa-tengah guru2 juga menjanjikan hadiah2 kepada murid2-nya yang paling lama berpuasa dan siapa yang dapat menghabiskan puasa sa-bulan akan menerima hadiah istimewa.

Ini ada-lah antara langkah2 yang positif untuk me-lateh anak2 supaya berjinak2 dengan ibadat yang di-suruh oleh Allah dengan harapan agar anak2 itu nanti akan biasa dengan peribadatan di-sepanjang umur mereka. Di-harapkan juga yang anak2 itu akan menyedari bahawa hadiah2 yang berupa mata-benda itu ada-lah tidak sa-berapa, tetapi akan lebeh mengetahui bahawa hadiah dari Allah di-akhirat kerana ibadat2 seperti berpuasa itu ada-lah lebeh besar dan lebeh agung.

Tidak juga di-nafikan ada-nya yang menunggu dengan gelisah dalam erti kebimbangan dan ketakutan kerana belum biasa atau di-biasakan berpuasa. Go-longan ini akan mencari berbagai alasan dan alasan yang biasa di-pakai ia-lah kerana berpenyakit dugal. Tetapi golongan ini sudah semakin berkurangan di-sebabkan oleh sa-tengah2 sarana yang menekankan bahawa ubat dugal yang mujarab ia-lah berpuasa dan sa-tengah2 yang berdugal itu pula mendakwa bahawa dugal-nya telah sembuh di-sebabkan berpuasa. Di-samping itu keterangan2 juga pernah di-berikan ba-hawa sa-sungguh-nya berpuasa itu ada-lah ubat bagi berbagai penyakit. Jadi, alasan tidak dapat ber-puasa kerana berpenyakit sudah tidak laku lagi.

Semoga akan bertambah besar pahala yang kita dapat di-sepanjang bulan Ramadhan ini. Selamat berpuasa.

SIFAT "INTRINSIC" PATUT DI-AMALKAN OLEH KAUM PENDIDEK

BERIKUT ia-lah ucapan penoh Awang Haji Salleh bin Haji Hidup, Pegawai Pentadbir Kanan di-Jabatan Setia Usaha Kera-jaan, semasa merasmikan mashuarat Persatuan Pendidek Nasional Brunei, di-Dewan Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiah, Gadong pada hari Jumaat, 26hb Jun, 1981.



Awang Haji Salleh bin Haji Hidup berucap merasmikan mashuarat tersebut.

SUDAH pun menjadi kenyataan bahawa pada keseluruhannya sa-makin tinggi pengetahuan-nya sa-seorang itu sa-makin tinggi pula aspirasi-nya dan sa-makin tinggi pula mutu perkhidmatan-nya. Tenaga2 professional dan tenaga2 terlatih susah hendak melepaskan diri mereka dari proses ini se-dangkan environment dan masyarakat di-sekeliling-nya mengharapakan me-reka bersikap sedemikian. Negara2 yang pesat mem-bangun ada-lah negara2 yang dapat memperolehi dengan banyak-nya tena-ga2 professional yang ber-pengalaman samada sa-chara di-beli atau pun de-ngan di-hasilkan sendiri. Brunei mampu mengamalkan kedua-dua chara ini, ia-itu dengan mendatangkan tenaga2 professional yang mahir dari luar ne-geri dan mengeluarkan sendiri tenaga2 itu, yang mana perkara ini ada-lah menjadi komitmen.

TENAGA MAHIR

Mempunyai tenaga professional yang mahir dan tenaga yang terlatih bu-kanlah bererti semua ma-saalah perkembangan su-dah dapat di-atasi, banyak lagi masaalah2 lain yang juga perlu di-atasi. Se-dangkan memiliki tenaga2 seperti itu ada juga me-nimbulkan masaalah2 yang tersendiri. Pada pen-dapat saya masaalah yang utama ada-lah kepincangan dalam perkhidmatan tenaga2 itu. Kepincangan dalam perkhidmatan ada-lah di-sebabkan oleh be-berapa faktor kemanusiaan. Faktor yang paling utama ia-lah kurang-nya motivation untuk berkhid-mat. Salah satu daripada faktor yang menyebabkan kurang motivation untuk berkhidmat ia-lah ada-nya perasaan yang tidak gemar terhadap kerja yang di-buat dan tidak mahu memikul tanggung-jawab yang sepeleh-nya terha-

dap kerja2 yang di-hada-pi-nya itu. Pekerja2 yang bersifat seperti itu, sering-kali bersungut dalam menghadapi tugas. Ada kala-nya semakin tinggi taraf professional-nya dan semakin banyak pengala-man-nya semakin nyaring pula sungutan-nya. Tabiat seperti ini boleh meny-ebabkan 'end product' ker-ja2 yang di-buat kurang sempurna dan tidak sam-pai kepada target yang di-maksudkan. Sebab itu un-tok menuju ka-araf per-embangan2 yang viable sa-tiap golongan tenaga professional mesti-lah ge-mar dan cinta terhadap pekerjaan mereka. (Chin-takan pekerjaan itu bu-kanlah sa-mata2 ia-nya menghasilkan gaji yang lumayan dan kemudahan2 untuk naik pangkat dan lain2 yang mana perkara2 itu lazim di-panggil sa-bagai perkara2 yang ex-trinsic; menchantai peker-jaan sa-chara ini lambat-lau akan menjejaskan motivation yang mana akan berakhir dengan ka-kurangan efficiency dan kurang productive dalam menghasilkan kerja). Pada perengkat yang paling merbahaya selalu-nya di-panggil frustration. Kaum pendidek mesti-lah men-jauhkan diri dari penyakit frustration, kerana kalau mereka 'frust' anak2 bang-sa yang tidak berdosa akan terkorban. Bila pel-a-jaran anak2 bangsa akan terjejas, akan terjejas-lah pula perkembangan pel-a-jaran dan 'forward plan-ning' negara.

'PRODUCTIVE'

Sa-bahagian besar dari waktu kita ada-lah di-habiskan dalam pekerja-an, oleh itu mengapakah kita mesti menghadapi pe-kerjaan itu dengan perasa-an benchi dan bosan. Pe-kerja2 yang benar2 men-chintai kerja-nya akan sen-tiasa bersifat gembira, che-kap, 'productive' dan 'crea-tive'. Pekerja2 yang bersi-

fat bosan ada-lah pekerja2 yang kurang effective, ku-rang daya usaha dan ka-dang2 bersifat chepat pe-marah atau 'explosive'. Pada perengkat yang pal-ing merbahaya kadang2 sifat kemarahan itu mem-pengaruhi pergaulan-nya sa-hari2, menyebabkan mereka tidak popular de-ngan rakan2 sejawat dan hubungan mereka dengan orang2 yang di-atas me-reka pula akan menjadi renggang. Kadang2 sa-orang yang 'frust' itu akan ha-nya membuat kerja apa-bila di-arahkan, dan tidak mahu menjalankan usaha dan initiative dalam men-jalankan sa-suatu kerja yang di-tentukan. Oleh itu menchantai kerja kerana ingin membuat kerja itu dan berasa puas terhadap-nya atau yang lazim di-panggil sa-chara 'intrinsic' ada-lah sifat yang paling bagus yang patut di-amalkan oleh tenaga2 pro-fessional seperti kaum pendidek.

PENGHORMATAN

Bagi mereka yang chin-takan pekerjaan sa-chara mendalam yakni bukan sa-chara luar, faktor motiva-tion yang utama kepada mereka bukan-lah sa-mata2 tertumpu kepada masaalah kenaikan gaji, kenaikan pangkat, tetapi termasuk-lah juga pelu-ang berdamping dengan ka-man sa-jawat, menghormati dan menerima penghormatan di-antara satu dengan lain dan perasaan puas hati terhadap peker-jaan itu.


Walau bagaimana pun, sa-seorang pekerja itu khusus pada perengkat professional atau perengkat terlatih, masa-lah gaji, kenaikan pangkat dan lain2-nya sungguhpun penting tetapi tidak-lah sa-patut-nya di-pandang sa-chara negative, kerana perkara2 itu ada-lah merupakan incentive atau pendorong dalam per-khidmatan. Tetapi biar-lah perkara ini di-sedari sa-chara 'moderation' dan rational. Ke-checkapan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pa-duka Seri Baginda Sultan dan

Yang Dipertuan, dalam hu-bungan ini tidak lagi dapat di-ragukan kerana kerajaan mempunyai sistem2 yang ter-ator dan machinery yang chekap untuk memastikan sa-seorang majikan itu akan me-nerima layanan yang adil dan saksama.


PENDIDEKAN

Sedari awal lagi kaum pe-didek ada-lah di-kehendaki untuk benar2 chenderong da-lam dunia pendidekan kerana ketiadaan kechenderongan itu akan menjejaskan perkhidma-tan harian mereka. Kalau sa-sebuah perusahaan akan mempunyai pekerja2 yang kurang berkechenderongan atau pun tidak mempunyai motivation, berkemungkinan pengeluaran perusahaan itu akan menjadi berkurangan, tetapi sebelum ia menjadi bankrap 'injection' kapital dan pengurusan dari luar akan dapat menghidupkan sa-mula perusahaan itu. Perkara ini sering kali berlaku. Tetapi kalau pelajaran anak2 bangsa terjejas perkembangan negara pada masa akan datang juga akan terlibat dan repakasi-nya ada-lah sangat burok, dari itu mereka yang kurang berke-chenderongan untuk menjadi pendidek jangan-lah chubu menjadi pendidek kerana ka-lau mereka tidak berjaya me-lahirkan rasa cinta yang tu-lin dan penoh dengan tang-gung-jawab, maka akan ter-korban-lah pelajaran anak2 bangsa dan akan rugi-lah negara.

Akhir-nya saya berseru ka-pada ahli2 persatuan ini su-paya akan sentiasa menumpu-kan tenaga dan daya fikir-an sa-mata2 untuk kebaikan dan mempertingkatkan taraf pe-didekan di-negara ini. Dalam hubungan ini ahli2 persatuan ini jangan-lah sunyi daripada mengadakan perundingan2 sa-ma sendiri dan chubu ma-nagati masaalah2 yang di-hadapi sa-chara berdisiplin dan tidak melanggar peratoran. Begitu juga saya berharap persatuan ini akan sentiasa berdamping rapat dengan Ja-batan Pelajaran sa-mata2 un-tok kepentingan pendidekan di-masa akan datang dan sa-terus-nya untuk pembentokan perkembangan negara yang terator dan viable. Satu pe-kerja yang paling penting ia-lah, persatuan yang baru saja awda tubuhkan ini bijak-lah menjauhkan diri dari unsur2 kerosakan, dan sa-bahagian besar dari punga kerosakan akan menjelma dalam bentuk elemen2 yang bersifat anti na-sional untuk menggunakan nama persatuan, sa-mata2 un-tok menchapai kepentingan2 persendirian.



LIHATAN rekrut2 yang menamatkan latihan sedang berjalan lalu, memberikan penghormatan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd Yusof.



REKRUT 6773 Ak Rosli bin Pg Haji Mat Jaafar berjabat salam dengan Yang Amat Mulia, sa-lepas menerima sijil sa-bagai rekrut terbaik.

Penuntut2 MPSHB

meninjau

kegiatan AMDB

BERAKAS. — Sa-rombongan 42 orang penuntut termasuk sa-orang penshahrah yang terdiri dari ahli2 Badan Kebajikan Pusat Tingkatan Enam Gadong telah membuat lawatan sambil belajar ka-beberapa chawangan Askar Melayu Diraja Brunei, pada 19hb. Jun hari Jumaat lalu.

Lawatan yang pertama kali itu merupakan satu aktiviti tahunan badan tersebut yang bertujuan untuk menambahkan ilmu pengetahuan dan mengetahui tentang kegiatan2 dan perkembangan ketenteraan.

Ketibaan rombongan tersebut telah di-alu2kan dengan satu taklimat yang telah di-sampaikan oleh Lt. Dato Awang Haji Bahar bin Haji Tamat mengenai dengan chara2 pengambilan, sejarah dan perkembangan serta kegiatan2 kerjaya tentera.

Di-antara tempat2 yang di-lawati oleh rombongan itu ia-lah Muzium Pasokan dan chawangan semboyan, di-mana penuntut2 di-beri penerangan mengenai chara2 penggunaan radio, typing dan teleprinter oleh pegawai2 Askar Melayu Diraja Brunei yang bertugas. (gambar bawah)

IKRAR TA'AT SETIA HENDAK-LAH DI-LAFAZKAN DENGAN JUJUR

Oleh : AISAH PIEE

BERAKAS. — Perajurit tanah ayer di-ingatkan supaya melafazkan ikrar taat setia kepada raja, bangsa dan tanah ayer dengan lidah dan mempraktikkan-nya dengan hati, agar kalimat tersebut tidak hanya di-bibir mulut, tetapi hendaklah di-laksanakan dengan membaktikan apa yang di-katakan itu dengan sa-ikhlas2 dan sa-jujur2 hati.

Demikian ingatan dari Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abd. Rahim, bekas Menteri Besar Brunei, ketika bersabda di-Upachara Perbarisan Tamat Latihan Pengambilan ke-53, Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, yang telah berlangsung pada hari Jumaat lalu di-Padang Kawad Pusat Latihan di-sini.

TA'AT SETIA

Kerana, kata-nya, kalau hanya menyebut perkataan taat setia itu sahaja, siapa pun boleh menyebut, sa-hinggakan kanak2 damit sa-kali pun dapat memperkatakan kalimat itu.

"Tetapi, apa yang lebih

afdal ada-lah melaksanakan kata dan maksud 'taat setia dengan membaktikan apa yang kita katakan itu, kita kotakan, kita baktikan dengan sa-ikhlas2 dan sa-jujur2 hati kita," jelas Yang Amat Mulia.

TANGGONG-JAWAB

Sa-bagai raayat yang taat setia kepada raja, bangsa dan negara, tambah-nya lagi, kita mempunyai tanggung-jawab untuk berusaha dengan penuh ikhlas ka-arrah memiliki sa-buah negara yang indah, aman dan makmur serta menchipta kehidupan yang memuaskan, yang tidak akan terchapai dengan hanya kata2 dan semangat angan2 besar.

Untuk menchapai matlamat tersebut, Yang Amat Mulia itu menggesa perajurit tanah ayer supaya sentiasa mendampingi orang ramai dengan memberikan khidmat mulia kepada masyarakat dengan apa jua chara yang terdanya dengan sikap dan sifat perwira yang berhemah tinggi, tingkah laku dan

peribahasa yang senonoh, di-samping menunaikan tugas yang wajib.

"Berperibahasa mulia dan bersifat lemah lembut bukan-lah bererti lemah dan bersopan santun bukan-lah bererti tidak gagah, malah ini akan menambah melambangkan ketinggian hemah dan imej Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei," tegas Yang Amat Mulia itu lagi.

Yang Amat Mulia seterusnya menasehatkan agar perajurit2 yang menamatkan latihan pada hari itu terus mempelajari dan mendalami ilmu dan pengalaman dalam berbagai aspek ketenteraan yang memimpin ka-arrah keahlian tentera, yang mana di-antaranya termasuklah chara2 menggunakan berbagai2 jenis senjata, yang merupakan teman akrab perajurit semasa dalam kechemasan.

SEMANGAT

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara seterusnya mengharapkan supaya kejayaan dan kelayakan yang telah di-chapai itu akan kekal tersemat di-dada, dan mendorong semangat perajurit dengan sumpah dan tekad berkhidmat dan ta'at setia kepada raja dan tanah ayer dan masyarakat itu, akan menjadi darah daging yang tidak lekang dek panas dan tidak luntur dek hujan.

"Mudah2an dengan chontoh yang telah perajurit baktikan



YANG Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pg Haji Mohd Yusof memaikan songkok kepada Rekrut 6852 Hazaman bin Haji Abdullah, yang di-tauliahkan sa-bagai Pegawai Kadet. Di-belakang YAM ia-lah Major JPJD Oliver, Pegawai Pemerentah R Kompeni.

itu, akan lebih ramai lagi pemuda tanah ayer mencheborkan diri dalam kerjaya tentera, bukan kerana segak dengan uniform atau kerana bergaji lebih baik, tetapi ada-lah kerana di-dorong oleh perasaan chintakan tanah ayer dan bangsa dengan sa-penoh jujur dan ta'at setia," harapan Yang Amat Mulia itu lagi.

Upachara perbarisan tersebut telah di-ketuai oleh 67 Kapt Suhaili bin Haji Abang, sa-laku Pemerentah Perbarisan dan juga jurulatih pengambilan ke-53.

Rekrut2 yang menamatkan latihan pada hari itu telah menjalani latihan asas ketenteraan berjalan kaki sa-lama 25 minggu, di-Perkemahan Bolkih dan kawasan hutan belantara yang tebal, dalam

jangka mana mereka telah mempelajari berbagai aspek ketenteraan dan menghadhiri kuliah2 ugama.

Turut menyerikan majlis tersebut ia-lah Pasokan Pancharagam Battalion Pertama Askar Melayu Diraja Brunei, dan Pasokan Serunai dan Tambor Battalion Kedua.

Rekrut 6773 Ak Rosli bin Pg Haji Mat Jaafar telah terpilih sa-bagai Rekrut Terbaik, sementara Penembak M16 Terbaik di-sandang oleh Rekrut 6722 Kasim bin Suhaili. Penembak HBAR Terbaik jatuh kepada Rekrut 6779 Abdul Rahman bin Abd Halim dan Terbaik dalam Latihan Jasmani ia-lah Rekrut 6766 Jais bin Putong.

REKRUT TERBAIK

Jurulatih Terbaik bagi pengambilan ini ia-lah Kpl Aini bin Ahmad, sementara Rekrut 6852 Hazaman bin Haji Abdullah telah di-tauliahkan sa-bagai Pegawai Kadet. Hadiah2 kepada rekrut2 tersebut telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abd Rahim.

Turut menghadhiri upacara itu termasuklah Pegawai Pemerentah Pasokan, Brigadier E. D. Cameron, Timbalan Pemerentah Pasokan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Kolonel Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad, Pegawai Pemerentah Pusat Latihan, YDM Pehin Orang Kaya Datu Indera Setia Diraja Lt. Kol. Dato Paduka Haji Abdul Aziz, Pegawai Pemerentah R Kompeni, Pegawai2 Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, anggota2 pasokan, keluarga rekrut dan sahabat2 handai rekrut2.

37 orang lanjutkan pelajaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 37 orang pelajar teknikal Shell Brunei telah berlepas ka-United Kingdom pada hari Ahad, 28hb. Jun lepas untuk melanjutkan pelajaran mereka di-sana.

Kesemua pelajar tersebut akan mengikuti kursus dua tahun dalam bidang peralatan dan pemeliharaan loji (instrumentation and plant maintenance) bertempat di-Carlton Park dan Longlands College of Further Education, Middlesborough,

England.

Sa-belum memasuki maktab2 tersebut, pelajar2 itu akan mengikuti kursus2 dalam Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan Fizik di-salah sa-buah pusat pengajian di-sana.

Pemergian mereka itu ada-lah merupakan salah satu program latihan yang di-sediakan oleh sharikat kepada anak2 Brunei sa-bagai sokongan mereka kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi melatich bumi-putera dalam bidang industri minyak dan gas.



AJARAN SESAT (IV)

SIRI KE-86

PAHLAWAN HINDU

DALAM Majallah Warta Jabatan Ugama Johor bilangan 79 Dzulhijjah, 1375 bersamaan Julai 1956 berbunyi: Ghulam Ahmad (Qadiani) menjelma daripada jantan kapada betina dalam muka 6. Kemudian dalam muka 9 berbunyi: Gustave Lubon berkata dalam kitab Hadharatul-Hind (muka surat 608-610) berkenaan dengan Kerishna dan pengikut2-nya:

"Raayat India telah memuliakan dan membesarkan dua orang pahlawan-nya yang gagah perkasa ia-itu "Rama" dan "Kerishna", maka kedua2-nya bertukar rupa kejadian (bertanasukh) menjadi "Wishnu". Kedua2 mereka ini bukan sahaja menimbulkan rasa ta'ajub dan di-agong2kan oleh orang2 Hindu di-sebabkan kementerian2-nya dalam peperangan, bahkan mereka itu juga ta'ajub dan mengang-gongkan kedua-nya kerana sifat dan perangai mulia kedua-nya seperti "Hilm (tenang), bersemangat dan chinta," tetapi kaseh sayang yang penuh dengan berbagai2 rahsia itu yang mengembalikan ingatan orang kapada "Wishnu", akhir-nya bertukar pula menjadi chinta berahi yang sangat2 kuat yang membawa kapada shahwat dan kebuasan nafsu binatang."

Dan "Rama" itu ada-lah suami "Sita" sa-lain yang di-sebutkan di-atas kedua-nya juga menjadi "Shiwa" dan "Lakshmi" (Tuhan chantek)".

Lubon menulis pada muka 144:

"Kebanyakan orang negeri Gujerat (India) mereka itu menjadi pengikut ugama Wishnu, mereka mempunyai adat yang tertentu, ajaran ugama wishnu itu ia-lah membesar2-

kan dan memandang suchi kapada tiga puluh orang maha guru yang di-gelarkan maharaja."

Lubon telah memetek daripada penulis bernama "Al-Malibari" yang petek-an itu berbunyi begini :

"Maharaja itu ia-lah maha guru yang di-sembah orang, kerana anggapan roh Wishnu dan Kerishna telah menjelma ka-dalam badan mereka."

CHUKAI2 YANG DI-PUNGUT

Mengenai chukai2 yang di-pungut oleh maharaja itu daripada pengikut2-nya ada-lah sa-bagaimana di-bawah ini :

"Lima rupiah di-bayar kapada maharaja, kerana dapat melihat maharaja itu, 20 rupiah kerana dapat menyentuh badan-nya, 35 rupiah kerana membasohkan dua kaki-nya, 60 rupiah kerana dapat duduk di-sebelah-nya, 50-500 rupiah kerana dapat melazimkan bilek-nya, 13 rupiah kerana maharaja itu telah bermurah hati membelasah-nya dengan chemati, 190 rupiah kerana dapat minum daripada ayer mandi yang telah turun daripada badan maharaja itu, atau daripada ayer basoh pakai-an-nya yang chemar kotor, 100-200 rupiah di-bayar oleh perempuan yang dapat melepaskan chinta berahi dan bersetuboh dengan-nya."

Seterus-nya pada muka 608, Lubon menulis lagi :

"Sa-besar2 chita2 perempuan2 Gujerat ia-lah menjadi ashek (kendak) kapada Kerishna (Khalifah2-nya) ia-itu maharajah2 yang menjual shahwat-nya bagi menjima' (menyetubohi) perempuan2 itu dengan upah yang sangat

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ
(YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri
Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B.,
P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufi.

*Puak Taslim itu bukan
umat Islam sa-balek-nya
musoh Ugama Islam kerana
senghaja memutar-belitkan
ajaran2 dan hukum2 Islam.*

KUFUR I'TIKAD TASLIM MENURUT ISLAM

Suatu jawapan lain menurut nas Al-Kor'an dan Hadith serta i'tikad umat Islam telah di-huraikan oleh Al-Allamah Ash-Sheikh Babasil Mohd Bakhit Mufti Kerajaan Mesir begitu juga ayat2 Kor'an dan Hadith2 Rasulullah s.a.w. dan kata2 ulama ra telah saya bawakan lebel dahulu dari ini, semua-nya itu telah chukop bagi mengatakan puak Taslim itu bukan umat Islam sa-balek-nya musoh ugama Islam kerana senghaja memutar-belitkan ajaran2 dan hukum2 Islam.

Umat Islam sayugia-lah beringat dan berjaga2 dari fitnah2 jarum dan usah sulit bagi menjerat umat Islam masuk ka-dalam perangkap dan jerat mereka.

WALLAHU A'ALAM.

malah."

Penulis "Al-Malibari" itu berkata pula pada muka 611: "Orang2 Eropah memandang kedudukan maharaja itu sa-bagai satu perkara karut marut dan burok, atau suatu ajaran shahwat chinta berahi yang sangat kotor. Beribu2 kelamin orang Hindu akan menanggung kechela-kaan shahwat kebinatangan, sa-lagi shahwat kebinatangan itu berkulitkan kebersehan dan kesuchian."

Demikian itu-lah satu daripada kotoran, najis chemar, burok perangai yang berhubung dengan

"Kerishna" yang telah menjelma ka-dalam jasad "Ghulam Ahmad" (Qadiani) atau Ghulam Ahmad telah menjadi Kerishna sa-bagaimana kata-nya di-atas tadi.

Kemunchak ajaran puak Taslim itu ia-lah mengadakan berzikir dengan tiada sembahyang, dalam gelap2 berchampur laki2 dan perempuan termasuklah anak bini orang, kemudian berzina atau berkendak jika mendapat anak haram dari perbuatan terkutok itu, anak itu di-katakan anak saleh, itu-lah sifat suami yang dayus macham babi



SALAH sa-buah pasukan yang telah mengambil bahagian dalam perarakan tanglong, sa-bagai memulakan acara malam kedua pertandingan Membaca Al-Kor'an Bahagian Dewasa Sa-Negeri yang telah berlangsung pada malam Khamis yang lalu. Lain2 gambar di-majlis pertandingan itu di-siarkan di-muka 10 dan 11.

HANYA beberapa hari sahaja lagi, insha Allah, kita akan memasuki bulan Ramadhan yang mulia lagi berkat, yang kita sambut dengan dada lapang dan shukor, terutama-lah bagi orang2 yang sedia mengetahui akan kelebihan2 bulan ini serta beribadat di-dalam-nya, sa-bagaimana sa-buah riwayat menerangkan: "Bahawa segala pintu langit dan pintu shurga ada-lah terbuka pada awal malam bulan Ramadhan. Pintu2 itu tidak akan tertutup sa-hingga akhir malam bulan Ramadhan itu, melainkan di-tulis oleh Allah s.w.t dengan sa-tiap kali sujud-nya sa-banyak 1,700 hasanah (kebaikan) dan di-benakan untok-nya di-dalam shurga rumah daripada yakut yang merah yang mempunyai 700 pintu."

Demikian kita petik dari kitab Nuzhatul-Majalis karangan Al-Alim Al-Alamah As-Sheikh Abdul Rahman Assafuris-Shafie.

Banyak lagi riwayat2 dan Hadith menerangkan tentang kelebihan bulan Ramadhan itu. Pada bulan ini kita umat Islam di-wajibkan berpuasa sa-bulan genap. Firman Allah Ta'ala di-dalam Surah Al-Baqarah ayat 183 yang bermaksud:

"Wahai orang2 yang beriman, di-wajibkan atas kamu berpuasa sa-bagaimana di-wajibkan atas orang2 sa-belum kamu agar kamu bertaqwa."

Di-dalam perkataan "Taqwa" dalam ayat inilah terkandung segala rahsia atau hikmat puasa itu. Maksud taqwa ia-lah ta'at, dan orang ta'at adalah terhindar dari segala kejahatan dan perbuatan dosa. Dan ada pun perbuatan dosa itu pula berpuncha dari shaitan dan hawa nafsu jahat yang sentiasa memang mahu menjerumuskan mangsa-nya ka-jurang kebinasaan.

GODAAN NAFSU

Jadi, mengikut semangat dan maksud ayat ini, ibadat puasa itu ada-lah sa-bagai suatu alat pertahanan diri, menjaga supaya terselamat daripada godaan nafsu dan shaitan. Atau barangkali dapat kita umpamakan sa-bagai brek pada motorkar, untok menahan motorkar tersebut dari terdorong melanggar sasaran-nya.

Tetapi, wahai kaum muslimin! tiap2 perbuatan dan ibadat yang berjaya itu ada dengan chara dan shariat-nya yang tertentu seperti hal-nya sembahyang, haji dan lain2, maka demikian pula-lah dengan puasa. Supaya kita dapat memperoleh faedah-nya dengan sempurna,

Peraduan Hadhrah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan Hadhrah akan di-adakan sa-bagai salah satu acara sambutan sempena Hari Kemerdekaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-35 tahun bagi Daerah Brunei-Muara. Peraduan tersebut di-jangka akan di-adakan di-Dewan Pusat Belia pada 21hb. Ogos.

Peraduan tersebut adalah terbuka kepada persatuan2 belia, kampung2, sekolah2 dan maktab2 serta pertubuhan awam di-seluruh negeri.

Borang2 untok menyertai peraduan itu sedang di-edarkan dan ia-nya boleh di-perolehi dari Pengiran Petra bin Pengiran Mohd. Yassin, di-Pejabat Odit, Pengiran Mohammad bin Pengiran Sharifuddin di-

Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan dan Awang Ismail bin Karim di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan di-Kuala Belait.

Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kepada pehak penganjur tidak lewat dari 1hb. Ogos, 1981.

Kuliah Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Siri Kuliah Ugama anjoran Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Persatuan2 Belia maseh di-teruskan.

Majlis yang di-adakan bersempena sambutan Isra' dan Me'raj itu telah di-adakan di-beberapa tempat. Pada minggu lalu majlis tersebut telah di-adakan di-Dewan Sekolah Ugama Kampung Saba bagi penduduk2 mukim2 tersebut. Majlis tersebut di-kendalikan dengan kerjasama Persatuan PERKASA dan satu cherezamah khas telah di-sampaikan oleh sa-orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama.

maka perlu-lah kita menjaga tata tertib orang2 berpuasa dengan sempurna dan rapi pula. Umpamanya ketika berpuasa kita menjaga lidah: jangan berdusta, mengumpat, berchapak kotor dan membuat fitnah. Telinga jangan mendengar perkataan2 keji yang tidak senonoh, dan demikian juga mata, kita elak dari melihat perkara2 dosa dan maksiat. Baru-lah ada harapan puasa kita itu menepati yang semesti-nya.

TAKARRUB

Jangan di-fikirkan puasa itu hanya semata2 melaparkan perut. Puasa ada-lah suatu jalan takarrub kepada Allah, suatu jalan hampir kepada-Nya, sa-bagaimana tersebut dalam sa-buah riwayat:

Telah berkata Nabi Musa a.s.: "Ya Allah! telah Engkau muliakan aku dengan berkata2 dengan Mu, maka ada-kah sebarang orang yang Engkau kornia-

kan sa-demikian itu? Firman Allah: 'Wahai Musa! sa-sungguh-nya bagi Ku ada segolongan umat yang lahir pada akhir zaman, dan mereka telah Aku muliakan dengan bulan Ramadhan. Maka Aku jadikan diri Ku lebih dekat bagi mereka daripada Engkau, kerana Engkau berchapak2 dengan Ku dalam keadaan terpisah di-antara (70) Hijab, sedang apabila berpuasa umat Muhammad s.a.w., sa-hingga di-sebabkan menjadi puteh bibir2 dan kuning kulit mereka (puchat), sedang pada ketika mereka iftar yakni berbuka, Aku angkat sekali-



PUASA SA-BAGAI ALAT MEMPERTAHANKAN DIRI

an hijab yang ada di-antara Aku dan mereka."

IBADAT PUASA

Demikian-lah wahai kaum muslimin! di-antara kelebihan ibadat puasa itu mengangkat mertabat sa-orang muslim ka-taraf yang tidak terduga oleh kebaikan orang, ia-itu taraf hampir kepada Allah, hampir kepada rahmat dan nekmah-Nya. Kalau orang mengerti hal ini, kita perchaya tidak akan terdapat orang yang melepaskan peluang berpuasa itu lagi. Mudah2an hal ini akan menjadi peringatan yang berkesan.

Hapus-lah dosa bagi orang yang memelok Ugama Islam

UGAMA Islam ada-lah Ugama yang Agong, Ugama yang telah di-turunkan oleh Allah s.w.t. serta Ugama yang hanya di-akui oleh-Nya yakni Allah dan akan kekal hingga ka-akhir zaman. Nabi yang di-pilih dan di-pertanggung-jawabkan oleh Allah s.w.t. untok menyampaikan Ugama ini ia-lah Nabi Muhammad s.a.w. sa-orang putera Mekkah yang di-beri gelaran Al-Amin oleh penduduk Mekkah di-atas kejujuran-nya.

CHABARAN

Di-awal sejarah perkembangan-nya, Baginda Rasulullah s.a.w. telah menyampaikan Ugama Islam ini dengan penoh hati2 dan patoh yang tidak berbelah bagi, serta seringkali pula menepoh berbaga2 dugaan dan chabaran daripada penduduk2 Mekkah yang menentang ajaran2 Ugama Islam, tetapi berkat sabar serta perlindungan

an daripada Allah, ajaran Ugama Islam telah dapat berkembang dan memperngarohi umat2 yang lain untok menganuti-nya. Begitu-lah sechebis kenyataan yang mengesahkan bermula-nya perkembangan Ugama Islam yang dapat kita ingati dan rasakan sa-hingga ka-hari ini.

TERAS UTAMA

Sa-bagaimana yang kita ketahui dan amalkan pada sa-tiap hari, bahawa teras utama Ugama Islam itu ada-lah perpaduan, tanpa perpaduan perkembangan Islam pasti tidak akan dapat berjalan dengan sempurna-nya. Tambahan pula pancharoba atau chabaran2 sering sahaja datang untok menggugat serta chuba pula untok merosakkan, baik dari segi rohani mahu pun jasmani. Di-sebabkan oleh ini-lah kenapa Rasulullah s.a.w. sering mengingatkan kepada kita manusia supaya sentiasa melakukan 'Tau-

Memelok Ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang lelaki bangsa Amerika, Kluner David Frederick, 31 tahun telah memelok Ugama Islam di-satu majlis peng-Islaman yang berlangsung di-rumah Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Hussin, di-Jalan Kumbang Pasang di-sini pada 21hb. Jun, 1981.

Beliau melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Setia Haji Mohd. Tamin bin Abd. Hamid. Saudara baru itu kini di-kenali sa-

bagai Mohd. Daud Kluner bin Abdullah. Turut hadir di-majlis itu termasuk-lah Awang Haji Abdullah bin Metassan, Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei, Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Md. Yusof, Pegawai Protokol Jabatan Adat Istiadat yang mana beliau juga telah menyampaikan chenderamata dari Majlis Ugama Islam Brunei kepada saudara baru Islam itu dan juga hadir di-majlis itu beberapa orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 1hb Julai, 1981 hingga ka-hari Selasa 7hb Julai, 1981 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzuhor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
1hb Julai	12.29	3.51	6.41	7.52	4.38	4.53	6.11	
2hb Julai	12.29	3.51	6.41	7.52	4.38	4.53	6.11	
3hb Julai	12.29	3.51	6.41	7.52	4.38	4.53	6.11	
4hb Julai	12.29	3.51	6.41	7.52	4.38	4.53	6.11	
5hb Julai	12.29	3.51	6.41	7.52	4.38	4.53	6.11	
6hb Julai	12.30	3.51	6.41	7.52	4.39	4.54	6.12	
7hb Julai	12.30	3.51	6.41	7.52	4.39	4.54	6.12	

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

Bingkisan minggu ini

"Katakan-lah: Wahai hamba2Ku yang telah berlaku boros terhadap diri-nya, jangan-lah kamu putus asa daripada rahmat Allah."

Dari itu jelas-lah bahawa, Allah akan memberi harapan besar kepada orang2 yang mempunyai banyak dosa-nya, bahawa apabila mereka bertaubat dan memohon keampunan dengan sebenar2-nya kepada Allah, neschaya Allah akan mengampunkan dosa-nya. Dan bagi orang2 yang mengubah keperchayaan-nya dan memelok Ugama Islam, maka hapus-lah dosa2 mereka yang sebelum-nya dan mereka tetap mendapat keampunan Allah s.w.t.

UNSOR2 UTAMA

Di-samping itu kita hendak-lah membayangkan kepada mereka tentang unсор2 utama kenapa Ugama Islam itu di-turunkan oleh Allah s.w.t. kepada mereka. Sa-bagaimana firman Allah yang kira2 bermaksud:

PITA IKATAN KESELAMATAN MULA DI-GUNAKAN DI-LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persurohaya Polis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bin Pengiran Haji Rajid memaam-lomkan kepada orang ramai yang pergi dengan menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bahawa mulai hari ini, 1hb. Julai semua barang2 berdaftar kepunyaan penumpang yang hendak bertolak akan di-ikat dengan erat dengan pengikat jenis pelastik.

Perkara sa-umpama ini di-jalankan, jelas Pengiran Setia Raja ia-lah bertujuan untuk memperbaiki lagi langkah2 keselamatan di-Lapangan Terbang An-

tarabangsa Brunei.

Beg2 pakaian dan bungkusan yang akan di-masukkan di-dalam ruang kapal terbang akan di-ikat dengan pita keselamatan oleh pihak Polis sa-jurus sa-lepas beg2 dan bungkusan2 itu di-pereksa di-segi keselamatan.

Pita ikatan keselamatan yang di-perbuat daripada pelastik yang tegoh itu akan menegah beg2 pakaian dan bungkusan daripada di-buka sembarangan dan juga bagi menunjokkan bahawa barang2 itu telah lulus daripada pemeriksaan keselamatan. Pita ikatan itu di-bentok dan di-maksudkan supaya tahan hingga bungkusan itu sampai ka-tempat yang di-tuju.

TIDAK DI-TERIMA

Di-samping itu Persurohaya Polis juga memaam-lomkan kepada penumpang2 bahawa mengikut perjanjian yang di-buat dengan sharikat2 penerbangan yang mengendalikan perusahaan-nya di-Lapangan Terbang Antarabangsa, kakitangan2 sharikat penerbangan itu tidak akan menerima untuk di-daftarkan di-mana2 jua bungkusan yang belum di-ikat dengan pita keselamatan atau menunjokkan tanda bahawa ikatan pita

keselamatan itu telah di-usek.

Untuk mengelakkan kelambatan atau kesukaran, penumpang2 ada-lah di-nasehatkan supaya memastikan bahawa beg2 pakaian dan bungkusan2 yang mereka tunjukkan kepada pihak Polis untuk pemeriksaan itu tidak mengandungi barang2 yang mereka perlukan sa-lepas beg2 pakaian dan bungkusan2 itu di-ikat dengan pita keselamatan.

Melawat Shell

SERIA. — Sa-rombongan mengandungi 33 orang dari Angkatan Bersenjata Singapura telah mengadakan lawatan ka-Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, bulan lalu.

Rombongan tersebut telah di-beri taklimat mengenai sejarah latar-belakang dan kegiatan2 sharikat dan di-bawa melawat2 ka-padang minyak, penerbangan Anduki dan loji LNG di-Lumut.

Balek berchuti

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 80 orang pelajar Brunei yang menuntut di-United Kingdom kini telah tiba di-tanah ayer minggu lalu kerana balek berchuti.

Mereka di-terbangkan ka-Brunei dari Singapura dengan pesawat RBA sewa khas apabila pesawat yang membawa mereka dari London (penerbangan British Airways) tergendala di-Singapura kerana terjejas kesulitan teknikal.

Wang tunai tidak boleh di-kirim dalam surat berdaftar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Orang ramai ada-lah di-ingatkan dan di-tegah daripada mengirim wang tunai atau benda2 yang berharga di-dalam surat berdaftar ka-Malaysia mulai hari ini 1hb. Julai 1981.

Demikian telah di-nyatakan oleh Ketua Pos Agong Pengiran Jaluddin dalam Pengiran Limbang, berikutan dari maam-lom-

yang di-keluarkan oleh Ketua Pengarah Pos Malaysia yang menegah pengirisan wang tunai dan benda2 berharga.

Pengiran Jaluddin berkata pada masa2 yang akan datang ganti rugi tidak akan di-bayar terhadap kehilangan benda2 yang di-kirim sa-chara berdaftar itu pada atau sa-lepas tarikh yang di-sebutkan itu.



ANGGOTA Polis sedang mengikat beg2 penumpang sa-telah pemeriksaan keselamatan di-jalankan.

Angka Tunjok barang2 pengguna meningkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angka tunjok harga barang2 pengguna bagi bulan Mei 1981 telah meningkat kepada 127.3 peratus jika di-bandingkan dengan bulan April 1981 lalu. Begitu juga angka tunjok bulan ini ia-lah 10.6 peratus lebih tinggi jika di-bandingkan dengan bulan Mei 1980.

Kenaikan angka tunjok ini ada-lah di-sebabkan oleh kenaikan angka tunjok kumpulan2 'pakaian dan kasut', alat2 perabot, perhiasan dan alat kelengkapan rumah-tangga serta pemasangan-nya, 'pengangkutan dan perhubungan', permainan hiburan, pelajaran dan perkhidmatan kebudayaan dan 'barang2 dan perkhidmatan ramaian'.

PERUBAHAN

Sementara itu, kumpulan2 angka tunjok bagi 'makanan' dan 'sewa kasar', 'bahanapi dan tenaga' ada-lah tetap tidak mengalami perubahan sa-perti bulan2 yang lalu.

Barang2 yang menyebabkan kenaikan pada angka tunjok itu ia-lah sa-

perti bijian (Quarker's Oats), tamban, mentega, ayer manis 'Rose Syrup', mangkok, Melaymine, mop, kereta, bedak talkom, tilam jenis foam, bayaran persekolahan taman asohan (kindergarten) dan bayaran sekolah rendah dan menengah.

Manakala harga bagi

berbagai jenis ikan dan udang ada-lah dalam keadaan sa-imbang atau menurun sedikit. Hanya bagi buah2an tempatan seperti papaya, nenas dan limas manis telah menurun dan menyebabkan turun-nya angka tunjok bagi kumpulan kecil buah2an sa-banyak 4.8 peratus.

Anggota2 AMDB berkursus

BERAKAS. — Beberapa orang lagi anggota Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei akan berlepas ka-United Kingdom bagi menghadiri berbagai-bagai kursus di-sana.

Berlepas hari ini, ia-lah 127 Kapt. Marzuki bin Haji Ahmad dari Kompeni RHQ, yang akan mengikuti dua kursus berasingan sa-lama dua tahun di-Universiti College, Cardiff. Kursus pertama, Latihan Bahasa Inggeris, akan bermula pada 14hb. Julai ini, sementara kursus kedua bagi Ijazah Bachelor of Education akan bermula dalam bulan Oktober, 1981.

Sementara itu, 4796 S/Sgt Ali bin Ahmad dari Pusat Latihan akan bertolak ka-United Kingdom esok, 2hb. Julai untuk mengikuti Latihan Bahasa Inggeris sa-lama dua bulan di-Bell School of Language, Cambridge.

Juga berlepas ka-United Kingdom pada 4hb. Julai ini untuk menjalani tiga kursus berasingan ia-lah Major Mohd. Jaafar bin Haji Abd. Aziz dari Skuadron Perahu Khas, Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei.

BAHASA INGGERIS

Major Mohd. Jaafar akan mengikuti kursus pertama, Latihan Bahasa Inggeris sa-lama lebih kurang tiga bulan di-Bell School of Language, Cambridge, dan akan mengikuti kursus kedua, Pre-Staff College Course pada 1hb. November, 1981, bertempat di-Sekolah Bahasa Tentera, Beaconsfield. Kursus ketiga bagi beliau ia-lah kursus No 16 Army Staff yang akan bermula pada 3hb. Januari, 1982 dan di-jangka akan berakhir pada 5hb. November, 1982 di-Staff College, Camberley.

Dua orang lagi akan berlepas pada hari yang sama untuk mengikuti kursus All Arms Drill di-Chawangan All Arms Drill Surrey, sa-lama lima minggu. Mereka ia-lah 3529 WO2 Billy bin Ahmad dan 4046 SSgt Murah bin Lakim, kedua-dua-dua dari Batalion Kedua pasukan tersebut.

Pasukan tersebut juga akan menghantar dua orang anggotanya bagi mengikuti kursus

Survival Equipment Fitter Course, bertempat di-Sekolah Latihan Teknikal, Tentera Udara Diraja, Buckinghamshire.

Terpilih bagi mengikuti kursus sa-lama lebih kurang enam bulan itu ia-lah 5455 Kpl Pancha bin Salleh dan 6442 Perajurit Abdul Hamid bin Jeenoh, kedua-dua-dua dari Chawangan Udara. Mereka akan berlepas ka-United Kingdom pada hari Isnin, 6hb. Julai.



Kpt. Marzuki



Abdul Hamid



Kpl. Pancha



EMPAT orang Penolong Pegawai Pertanian yang di-pilih mengikuti kursus ijazah di-Manila itu.

RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU — 1HB. JULAI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN KAP KAP UDANG
5.00 THE NATURE OF THINGS : "Clockwork Atom"
5.30 GODZILLA : "The Seaweed Monster"
Ketenangan laut West Indies menjadi berubah dengan guncangan dari Seaweed Monster — yang sa-tiap ketika semakin membesar.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 MORK AND MINDY — "Mork's New Look"
6.30 SAPPHIRE AND STEEL
6.41 AZAN MAGHRIB
6.49 SAPPHIRE AND STEEL — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGERIS
7.15 B J AND THE BEAR : "B.J. and The Seven Lady Truckers" bahagian pertama.
7.52 AZAN ISHA
7.56 B J AND THE BEAR — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 KNOTS LANDING : Kisah2 bagaimana kita manusia moden mengolah institusi tua — perkahwinan — supaya boleh berjaya. Hasilnya, ada yang berjaya, ada sebalik-nya dan ada pula melibatkan yang lain.
9.40 TAYANGAN GAMBAR : "Last of the Secret Agents"
Pelakon2 : Marty Allen, Steve Rossi, John Williams, Nancy Sinatra dan Lou Jacobi.
11.40 SIARAN TAMAT.

KHAMIS — 2HB. JULAI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 FABULOUS FUNNIES
6.30 MYSTERIOUS WORLD
6.41 AZAN MAGHRIB
6.49 MYSTERIOUS WORLD — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGERIS
7.15 WONDERLAND COVE : "The Agony of Victory . . . The Joy of Defeat."
7.52 AZAN ISHA
7.56 WONDERLAND COVE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT
9.00 DUNIA MINGGU INI
9.30 THREE'S COMPANY : "Alone Together"
10.00 THE PROFESSIONALS : "Foxholes On The Roof"
10.50 GREAT WESTERN THEATRE
12.05 SIARAN TAMAT.

JUMAAT — 3HB. JULAI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 CHILDREN'S SERIAL

- 5.30 SUPER GLOBETROTTERS "The Super Globetrotters Versus Facelift"
Facelift, chuba meniru rupa ketua2 negara dunia supaya dia dapat menaalki dunia ini.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 DR WHO
6.30 THE MUPPETS : "Johnny Cash"
6.41 AZAN MAGHRIB
6.49 THE MUPPETS — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGERIS
7.15 SOLID GOLD/GOLDEN MOMENT
7.52 AZAN ISHA
7.56 SOLID GOLD/GOLDEN MOMENT — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 PERUTUSAN RAMADHAN
8.40 DOKUMENTARI : A Day of the Life of Kevin Donnellon. Kisah sa-orang dari 400 kanak2 di-Britain yang di-lahirkan chachat kerana "thalidomide". Dalam ranchangan ini ibu-nya akan bercerita mengenai Kevin di-samping dapat menyaksikan keolahan hidup-nya.
9.10 NOBODY'S PERFECT
9.40 TAYANGAN FILEM INDONESIA : "Rahsia Sa-orang Ibu"
Pelakon2 : Lenny Marlina, Sophan Sophian dan lain2.
11.20 QUINCY
12.20 SIARAN TAMAT.

Sekira-nya hari ini jatuh-nya puasa yang pertama ranchangan2 akan di-ubah dari :

MALAM

- 8.30 RAMADHAN DI-DUNIA
8.45 DOKUMENTARI : "A Day in the Life of Kevin Donnellon"
9.15 NOBODY'S PERFECT
9.45 TAYANGAN FILEM INDONESIA : "Rahsia Sa-Orang Ibu"
Pelakon2 : Lenny Marlina, Sophan Sophian dan lain2.
11.30 SIARAN TAMAT.

SABTU — 4HB. JULAI

PETANG

- 3.30 PEMBUKAAN
3.31 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
3.43 SUSUNAN RANCHANGAN KAP KAP UDANG
4.15 SESAME STREET
5.10 THE MERRIE MELODIES SHOW
5.35 BEWITCHED
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 CARTOON
6.15 MARI SEMBAHYANG (Ulangan)
6.30 CHERAMAH MENJELANG SUNGKAI
6.41 BEDOK/AZAN MAGHRIB
6.45 NASHID

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGERIS
7.15 MAGNUM PI : Tom Magnum bertugas sa-bagai Penyiasat Pribet di-Hawaii di-mana kehidupan nampak selisa tetapi pekerjaan susah di-peroleh. Tom Selleck berlakun sa-bagai Tom Magnum.
7.52 AZAN ISHA
7.56 MAGNUM PI — sambongan
8.15 WARTA BERITA
Sekira-nya hari ini hari pertama berpuasa :

MALAM

- 8.30 RAMADHAN DI-DUNIA
8.45 PERTANDINGAN MEMBACHA AL-KORAN BAGI JABATAN2 BER-UNIFORM.
10.00 PERLAWANAN AKHIR TENNIS PERSEORANGAN 1981 DARI WIMBLEDON.

Sekira-nya hari ini hari kedua berpuasa :



SATU siri baru, BJ and The Bears, yang akan dapat awda saksikan malam ini. Episod pertama bertajuk : "BJ and The Seven Lady Truckers." Siri ini di-tayangkan jam 7.15 malam.

MALAM

- 8.30 RAMADHAN DI-DUNIA
8.45 LIPUTAN SA-CHARA LANGSUNG PERLAWANAN AKHIR TENNIS PERSEORANGAN 1981 DARI WIMBLEDON.
11.30 SIARAN TAMAT.

AHAD — 5HB. JULAI

PETANG

- 3.30 PEMBUKAAN
3.31 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
3.43 SUSUNAN RANCHANGAN KAP KAP UDANG
4.15 THE NEW ADVENTURES OF SUPERMAN
4.40 VISION ON
5.10 RICHIE RICH
5.35 CHILDREN'S SHORT STORIES
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 CARTOON
6.15 MARI SEMBAHYANG
6.30 CHERAMAH MENJELANG SUNGKAI
6.41 BEDOK/AZAN MAGHRIB
6.45 NASHID

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGERIS
7.15 THE INCREDIBLE HULK
7.52 AZAN ISHA
7.56 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 RAMADHAN DI-DUNIA
8.45 THE BOSOM BUDDIES
9.15 TARIAN2 KEBUDAYAAN
9.45 THE SANDBAGGERS : "A Question of Loyalty"
10.40 THE BIG VALLEY
11.30 SIARAN TAMAT.

ISNIN — 6HB. JULAI

PETANG

- 3.30 PEMBUKAAN
3.31 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
3.45 KAP KAP UDANG
4.15 FOLLOW ME
4.30 SEALAB 2020 : Sa-buah siri berupa penerangan, hiburan dan penggambaran di-dasar laut-an di-kurun 2000.
4.50 ANIMAL WORLD
5.25 TARZAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 CARTOON
6.15 MARI SEMBAHYANG
6.30 CHERAMAH MENJELANG SUNGKAI

- 6.41 BEDOK/AZAN MAGHRIB
6.45 NASHID

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGERIS
7.15 CHARLIE'S ANGELS : "Let Angels Live"
7.52 AZAN ISHA
7.56 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 RAMADHAN DI-DUNIA
9.00 SEAGULL ISLAND (Siri baru)
9.40 WHICKER'S WORLD : "Salt Lake City" Bgh. 2
10.30 THE DELPHI BUREAU : "Deadly Little Errand Project"
11.20 SIARAN TAMAT.

SELASA — 7HB. JULAI

PETANG

- 3.30 PEMBUKAAN
3.31 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
3.43 SUSUNAN RANCHANGAN KAP KAP UDANG
4.15 THE MUNCH BUNCH : "It Never Rains But It Pours"
4.30 HANDFUL OF SONGS
4.45 AQUAMAN
5.10 BLAKE'S SEVEN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 CARTOON
6.15 MARI SEMBAHYANG
6.30 CHERAMAH MENJELANG SUNGKAI
6.41 BEDOK/AZAN MAGHRIB
6.45 NASHID

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGERIS
7.15 240 ROBERT
7.52 AZAN ISHA
7.56 240 ROBERT — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 RAMADHAN DI-DUNIA
8.40 ARENA SOKAN
9.10 TAYANGAN GAMBAR : "Funeral In Berlin"
Michael Caine berlakun sa-bagai pengintip rahsia Harry Palmer di-hantar ka-Berlin untuk menolong Stok, pegawai perseik Russia berpaling tadah. Ranchangan ini menghadapi rintangan kerana penglibatan sa-orang perseik Israel. Pelakon2 : Michael Caine, Eva Renzi, Paul Hubschmid, Oscar Homolka, Guy Dolman.
11.40 THE ASSOCIATES
12.30 SIARAN TAMAT.

SIARAN RADIO

S IARAN radio sentiasa berada di-tengah2 masyarakat kerana menampung kegiatan dan keperluan masyarakat itu sendiri. Dari kegiatan masyarakat yang berfaedah dan berkebakikan itu di-jadikan bahan-bahan ranchangan untuk pengetahuan umum agar segala yang berkebakikan itu menjadi tauladan dan ikutan beramai pula. Ini-lah satu chara kita menaborkan benih-benih yang baik yang berupa kerja2 amal yang berkebakikan dan berfaedah. Dan biasa-nya benih2 yang baik itu nampak-nya sentiasa berkembang biak.

Kita juga sentiasa memikirkan dan memerhatikan apa-kah usaha2 yang harus di-tokok tambah dari samasa ka-samasa untuk keperluan pendengar2. Biasanya kita menari mengikut gendang. Oleh kerana hanya chuma sa-hari dua sahaja lagi 'gendang' Ramadhan akan kedengaran maka radio juga sudah mengatorkan satu keperluan Ramadhan untuk umat Islam di-negeri ini.

Untuk itu Radio sudah mengatorkan penyambungan siaran menjelang sungkai dari TV dalam satu usaha koordinasi agar semua pendengar radio dan penunton TV dapat mengikuti ranchangan khusus Ramadhan ini sambil menunggu bedok dan azan berbuka puasa. Dengan yang demikian di-mana pun saudara berada di-waktu menjelang bersungkai dengan tepat asal saja berupaya mengikuti ranchangan Menjelang Sungkai disepanjang bulan Ramadhan yang mulia itu.

Akhir-nya kita bershukor ka-hadrat Allah yang telah memanjangkan umur kita dapat menemui bulan Ramadhan lagi untuk menunaikan salah satu rukun Islam yang lima. Semoga selamat mengerjakan rukun sa-panjang bulan mulai itu.



Resepi minggu ini

RESEPI minggu ini sesuai untuk hidangan berbuka puasa di-makan dengan kuah kari. Dan pada puan2 yang ingin menchuba-nya kami sertakan resepi-nya.

KUEH PUSING DAUN BAWANG

- 10 ozs. Tepong Gandum
- $\frac{1}{2}$ sudu kecil garam
- $\frac{1}{4}$ sudu kecil gula
- $\frac{1}{4}$ sudu kecil serbuk perasa
- $\frac{1}{2}$ chawan ayer
- 2 sudu besar minyak
- 4 ozs. daun bawang
- $\frac{1}{2}$ chawan biji langa (bijan).

CHARA MEMBUAT-NYA

Letakkan tepong di-atas meja bersih dan dengan menggunakan tangan, buatkan satu lobang kecil di-tengah2 tepong tersebut. Masokkan garam, serbuk perasa, ayer dan minyak dan di-gaul dengan tangan hingga menjadi pastry lembut.

Bahagikan pastry tersebut dalam lapan bahagian dan giling satu bahagian nipis2 14 inchi panjang dan 2 inchi lebar. Isikan di-atas pastry dengan daun bawang yang di-potong halus. Lipat pastry itu panjang2 dan lipat hujung-nya dan pusing bulat2 sampai habis. Uli biji langa pada pastry tersebut dan goreng dalam kuah panas dengan menggunakan sedikit minyak. Puan2 goreng sa-hingga kuning dan garing.

EFP DI-GUNAKAN UNTUK DRAMA TV — PE

B UAT pertama kali-nya sa-buah Van Yunit Siaran Luar RTTB yang baru di-beli dengan harga \$1.6 juta telah digunakan untuk penggambaran sa-buah Drama Taliivishen.

Yunit Siaran Luar yang baru ini di-kenali juga sa-bagai EFP ia-itu Electronic Field Productions atau OB2 di-lengkapi dengan tiga buah alat kamera dan peralatan terbaharu sama seperti yang terdapat di-dalam studio.

Penggambaran drama yang berjalan lebeh dua minggu itu telah pun selesai dan pada masa ini sedang di-sunting sa-belum ia-nya di-dubbing dan masokkan sound effect, musik dan lain2 keperluan hingga ia-nya menjadi sa-buah drama yang lengkap dan sedia untuk siaran.

Drama yang berjudul 'PENGORBANAN' ini ada-lah hasil karya Awang Haji Junaidi bin OKSN Haji Sapar dan di-terbitkan oleh Awang Abdul Rahim Walli. Ia-nya di-jadualkan akan di-siarkan dalam masa Hari Raya akan datang dan di-jangka akan memakan masa siaran lebeh dari satu jam.

Drama Pengorbanan ini mengesahkan sa-orang hartawan bernama Johan yang ingin menchari ketenangan jiwa di-luar rumah dengan mendampingi sa-orang gadis lain walau pun dia


sudah beristeri dan dua orang anak.

Hayati, isteri Johan merasakan bahawa suami-nya sa-makin berubah dan lagi apabila dia pulang larut malam. Rahu bongkar juga akhirnya terjadi-lah satu membayangkan rumah tangga-nya kin dekat.

Johan berpegang pada prinsip hidup orang lelaki itu berwin lebeh dari satu ada-lah pemegang rumah tangga memberi natak kedua orang isteri. Sedangkan isteri tidak rela di-madu tidak rela kaseh sa belah bahagi apa bahagian yang sa-lama ini di-orang lain.

Akibat dari dua ini-lah menyebabkan tap dengan pendiri menegakkan hak sa orang suami yang fahami oleh sa-orang.

Hayati, isteri Johan terpaksa tunduk dan keluar dari rumah terjadi-lah pencherad di-istiharkan te



SA-BUAH peribahasa Brunei yang di-ertikan bagi orang yang mempunyai suara yang parau dan garau, tidak sesuai menyanyi dan lain2, ada-lah salah satu soalan yang di-kemukakan dalam UJILAH BAHASA KITA MINGGU INI, apa yang di-kehendaki pasokan2 yang menyertai, menyebut apa-kah peribahasa itu, dan kapada ka-dua2 pasokan ia-itu dari sekolah Menengah Melayu Bendahara Sakam Bunut yang di-wakili oleh Dyg. Sidah Badar, Malai Norain Sh. Mohammad dan Dyg. Mayatinah Momin manakala dari Sekolah Sains di-sertai oleh Awg. Irwan bin Haji Abd. Rahman, Dayang Zurinah bte Karim dan Dayang Faridah bte Abd. Hamid, ada-lah pasokan2 yang akan berlawan minggu ini, awda yang ingin menge-

tahui juga apakah jawapan bagi soalan di-atas itu, jangan lupa untuk bersama dengan ranchangan UJI-

LAH BAHASA KITA yang akan ka-udara sa-perti biasa Jumaat ini jam 10.30 pagi.

Gambar di-atas menunjukkan salah sa-buah pasokan yang menyertai.

TERCHAPAI CHITA2 KU sandiwara radio minggu ini

SANDIWARA minggu ini yang berjudul TERCHAPAI CHITA-CHITA KU, tulisan Jambol Tunjang akan mengesahkan dunia chita2 sa-orang pelajar dan dunia chita2 sa-orang ayah terhadap anak-nya yang harus dididek dengan kesempurnaan ilmu pengetahuan bakal hidup di-hari muka.

Watak Mary (anak Ah Ming) ingin menjadi sa-orang doktor mata dalam melanjutkan pelajaran-nya

ka-England. Sementara Rosdi anak kapada Dolah juga melanjutkan pelajaran-nya ka-England dalam jurusan doktor pembedahan.

Dalam perjalanan Mary dan Rosdi ka-England, mereka telah berkenalan antara satu dengan lain, sa-hingga perhubungan perkenalan mereka ini bertambah mesra dan erat. Apatah lagi ketika mereka sama2 berada di-luar negeri itu.

Bila kemesraan timbul antara Rosdi dan Mary, maka timbul pula keinginan mereka untuk mendirikan mahligai bahagia yang di-impikan mereka bersama. Apakah mereka akan berjaya menchapai-nya?

Namun demikian, berjaya pula mereka untuk mendapatkan ijazah doktor mata dan doktor pembedahan itu sa-bagai mana tujuan asal yang di-chita2kan mereka? Dan apakah yang akan terjadi

ka-atas Mary dan keluar-nya, sa-kembali-nya Mary ka-tanah ayer. Berjayakah Rosdi untuk memperolehi Mary.

Ka-semua kesah2 ini akan terjawab bila awda mengikuti siaran-nya nanti yang akan ka-udara pada hari Ahad, 5hb. Julai, 1981 jam 12.00 tengah hari.

Drama kali ini di-terbitkan oleh Ak. Sulaiman bin Pengiran Hj. Tuah.



Lebih 100 orang
anak2 yatim
dan orang2 chachat
di-ra'ikan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sharikat Penerangan Singapura telah meraihan sa-ramai 120 orang anak2 yatim dan orang2 chachat di-Daerah Brunei-Muara dalam satu majlis jamuan pada 25hb Jun. Majlis kali kedua yang di-anjarkan oleh SIA itu telah di-adakan di-Pusat Belia di-sini.

Di-samping menikmati jamuan, mereka juga menerima hadiah2 yang telah di-sampaikan oleh Ketua Pegawai Kebajikan Masyarakat, Datin Hajjah Zahrah bte Haji Idris.

NYANYIAN

Majlis itu juga telah di-serikan dengan beberapa persembahan nyanyian dari orang2 chachat sendiri dengan iringan kugiran Sinar Chahaya yang dipimpin oleh Che'gu Bolhassan dan satu persembahan silap mata.

Di-antara tetamu yang hadir di-majlis itu ialah Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Y.B. Pehin Jaitan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awg Haji Hussein, Pengarah Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Pehin Orang Kaya Tabib Laila Diraja Dato Paduka Seri Laila Jasa Dr. P. I. Franks, pegawai2 Jabatan Kebajikan dan Jabatan Perubatan dan Kesihatan serta sa-orang pengawas Jualan SIA Awang Andrew Phan.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penuntut2 digesa supaya dapat bersama-sama memikul tanggung-jawab memberikan maklumat serta gambaran yang betul di-dalam semua aspek yang berkaitan dengan hal ehwal negeri dan Kerajaan kepada lain2 anggota masyarakat.

Gesakan tersebut di-suarakan oleh Awangku Abd Ghani bin Pengiran Haji Metussin, Pegawai Penerangan yang mengetuai yunit taklimat Bahagian Penerangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan ketika berucap mengalu-alukan penuntut2 tahun pertama Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkih yang melawat jabatan tersebut pada hari Isnin lepas.

Oleh : SHADOON LAMZI

"Perlu saya nyatakan yang tugas2 di-dalam memberikan penerangan serta maklumat yang betul kepada semua lapisan masyarakat ini tidak sah-saharunya di-pikul oleh satu2 jabatan atau pun satu2 organisasi sahaja."

TUGAS BERSAMA

Tugas tersebut, tambah beliau, haruslah kita pikul bersama dan Awang2 dan Dayang2 sa-bagai anggota2 masyarakat yang terpelajar ada-lah merupakan satu media yang paling berkesan di-dalam memberikan gambaran2 ini kepada anggota2 masyarakat kita yang lain.

Rombongan sa-ramai 25 orang penuntut2 yang di-ketuai oleh dua orang penerangan mereka itu adalah dalam siri lawatan ka-beberapa buah jabatan Kerajaan. Tujuan lawatan itu ia-lah bagi memberikan peluang pandangan sa-chara dekat tentang peranan jabatan2 Kerajaan dan sa-terus-nya untuk mempelajari tujuan2 dan matalamat2 sa-sebuah jabatan Kerajaan dan bagaimana polisi2 Kerajaan di-kendalikan untuk rancangan perkembangan lain.

MAJLIS TAKLIMAT

Beliau sa-terus-nya menjelaskan yang Bahagian Penerangan telah pun membuat berbagai usaha untuk memastikan yang segala maklumat yang bersangkutan dengan hal ehwal negeri dan Kerajaan sampai ka-pengetahuan para penduduk di-negeri ini.

Usaha2 Bahagian Penerangan ini tambah-nya lagi termasuklah mengadakan majlis2 taklimat dan sa-lain daripada itu Bahagian Penerangan juga turut mengadakan tayangan2 wayang gambar di-

tempat2 pendalaman seluruh negeri di-dalam masa2 yang di-tentukan serta memuatkan berita segala perkembangan dan lain2 hal di-dalam Pelita Brunei sa-bagai akhbar rasmi Kerajaan.



Ak. Abdul Ghani



SA-BAHAGIAN dari penuntut2 tersebut ketika menyaksikan pameran di-Bilik Taklimat Bahagian Penerangan.



DATIN Hajjah Zahrah menyampaikan hadiah kepada anak2 yatim (atas) sementara gambar bawah kelihatan sa-bahagian dari orang2 chachat yang menghadiri majlis tersebut.



Pertandingan mengumpul setem

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Pos Brunei akan mengadakan pameran pos sempena Hari Kebangkitan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ka-35 tahun pada 11hb hingga 24hb Ogos, di-Muzium Brunei.

Di-samping pameran itu, satu acara pertandingan mengumpul setem yang terbuka kepada murid2 dan penuntut2 sekolah2 rendah, menengah dan maktab2 di-seluruh negeri juga akan di-adakan.

Pertandingan itu terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian 'A' ter-

buka kepada murid2 darjah satu hingga darjah enam aliran Melayu dan Inggeris dan persediaan satu hingga persediaan tiga.

Sementara bahagian 'B' pula terbuka kepada penuntut2 tingkatan satu hingga tingkatan enam

Lihat muka 22

Harga barang2 keperluan harian

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih sederhana di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa barang2 yang berikut di-bawah ini bermula dari minggu 25hb Jun 1981.

BANDAR SERI BEGAWAN :

1. PUSU KERING — \$4.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Hen Loong,
No. 31, Jalan Sultan.
2. LADA KERING — \$3.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a. Hong Soon,
No. 6, Jalan AcArthur.
b. Chop Aik Thye,
No. 25, Jalan Sultan.
c. Ming Thai Company,
No. 32, Jalan Sultan.
3. BAWANG MERAH — \$1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Tan Eng Huar,
No. 111, Bangunan Guru2 Melayu.
4. UBI KENTANG — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Sharikat Haji Abd Rahman,
No. 94, Jalan Chevalier.
5. ASAM JAWA (Chap Bunga) — 50 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai berikut:—
Ming Thai Company
No. 32 Jalan Sultan.

KUALA BELAIT :

1. PUSU KERING — \$5.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Ng Ming Hong,
No. 101, Jalan McKerron.
2. LADA KERING — \$3.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a. Sia HengHong,
31-B, Jalan Sungai.
b. Teo Heng Hing,
No. 45, Jalan Prettv.
3. BAWANG MERAH — \$1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a. Sharikat M. Haji
No. D-2, Bangunan Dewan
Perdagangan China.
b. Choo Seng,
No. 20, Jalan Prettv.

- c. Chop Yee Seng,
No. 46, Jalan Prettv.
4. UBI KENTANG — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a. Yick Yuan,
No. 3, Jalan Prettv.
b. Ng Ming Hong,
No. 101, Bangunan Dewan
Perdagangan China.
5. ASAM JAWA (Chap Bunga) — 55 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai berikut:—
Choo Seng
No. 20, Jalan Prettv.

SERIA :

1. PUSU KERING — \$5.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a. Soon Kheng,
No. 50, Jalan Bunga Kuning.
b. Yick Fatt,
No. 2660 Jalan Sultan Omar Ali.
2. LADA KERING — \$3.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Chop Koh Seng Heng,
No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
3. BAWANG MERAH — \$1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a. Chop Kun Mee,
No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
b. Chop Yick Hoe,
No. 9, Jalan Sultan Omar Ali.
4. UBI KENTANG — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a. Chin Siong Hin,
No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
b. Chop Kun Mee,
No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
c. Foo Hap Shing,
No. 20, Jalan Sultan Omar Ali.
5. ASAM JAWA (Chap Bunga) — 55 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai berikut:—
Chop Kun Mee,
No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ketika melafadzkan titah. Di-sebelah kiri ialah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain Haji Seruddin.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia menyampaikan Piala Kejohanan kepada Dayang Hajjah Siti Ara bte Haji Idris, yang telah berjaya menjadi johan qariah dalam pertandingan tersebut.



GAMBAR2 atas dan bawah menunjukkan peserta2 lelaki dan perempuan menunggu giliran untuk mempersembahkan bacaan masing2. Sementara gambar kanan ialah Awang Osman bin Abdullah, johan membacha Kor'an bagi Orang Muallaf Sa-Negeri yang telah di-beri penghormatan untuk memperdengarkan bacaan Al-Kor'an bagi memulakan acara pada malam pertama pertandingan tersebut.



SEKITAR PERTANDINGAN BAHAGIAN DEWASA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berangkat berchemar duli ka-majlis pertandingan membacha Al-Kor'an peringkat negeri pada malam Khamis yang lalu dan seterusnya berkenan menyampaikan hadiah2 dan sijil2 kenangan kepada para peserta pertandingan.

Pertandingan yang di-siarkan sa-chara langsung melalui radio dan talivishen selama dua malam berturut-turut itu telah di-rasmikan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah pada malam Rabu yang lalu.

Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Abu. Bakar johan tahun lalu telah berjaya mempertahankan kejuaraan-nya dengan mendapat markah 93.05 peratus. Tempat kedua di-menangi oleh Awang Wasli bin Haji Abu. Bakar dengan markah 88.00 peratus dan pemenang ketiga ialah Awang Haji Damit bin Haji Kawang dengan markah 87.05 peratus.

Dalam bahagian qariah pula, johan telah di-sandang oleh Dayang Hajjah Siti Ara binte Hj. Idris dengan markah 87.25 peratus. Tempat kedua di-menangi oleh Dayangku Saadiah binte Pengiran Haji Tuah dengan markah 84.25 peratus dan ketiga Dayangku Salbiah binte Pengiran Md. Salleh dengan markah 80.75 peratus.

Johan qari dan qariah akan mewakili Brunei dalam Pertandingan Musabqah Membacha Al-Kor'an Peringkat Antara-bangsa di-Kuala Lumpur dalam bulan ini.



PENGETUA Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain, telah Membacha Al-Kor'an Sa-Negeri ketika menari. Gambar kanan menunjukkan johan qari, Abu Bakar ketika memperdengarkan bacaan polan Nashid Pasukan Bomba ketika memperdengarkan pertandingan pada malam tersebut.





PASOKAN ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI MEMPELAWA AWANG-AWANG BELAJAR DI-PASOKAN ASKAR MUDA.

DI-BIDANG AKADEMIK



1. Belajar di-bilik darjah di-dalam bangunan sekolah menggunakan alat2 dan buku teks perkhuma.



2. Mengikut pelajaran akademik di-bawah didekan pencharah yang berkecualan tinggi dan berpengalaman.

1. Kira-nya Awang sa-orang pelajar lelaki yang menduduki Peperiksaan BJCE 1981 dan Awang yakin berjaya dalam peperiksaan itu, masuk-lah belajar di-Chawangan Askar Muda, Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei. Chawangan ini di-gabungkan dengan pendidikan akademik dan teknikal dengan latihan tentera untuk melatih Awang buat menem-pohi chabaran hidup yang sentiasa berubah chepat. Awang akan memasoki sekolah untuk satu tempoh 2½ - 3 tahun sa-lepas itu Awang akan berkhidmat dengan pasukan AMDB pada satu tempoh 5 tahun, dalam pengajian yang telah di-latehkan kepada Awang. Pada akhir Perkhidmatan 5 tahun Awang boleh memilih sama ada berhenti daripada perkhidmatan atau menyambung kerjaya dalam Pasukan AMDB. Di-Chawangan Askar Muda Awang berpeluang melanjutkan pelajaran akademik hingga ka-Peringkat 'O'. Kira-nya berjaya dalam peperiksaan 'O' level Awang mungkin di-pilih menjadi Pegawai dalam Pasukan AMDB atau di-beri peluang belajar di-institusi tertinggi dengan biasiswa AMDB. Apa pun pilihan Awang, Awang akan menerima satu pengalaman yang berguna yang boleh membantu Awang untuk menemoh chabaran yang akan datang.

2. Pelajaran akademik dan latihan tentera ada-lah di-beri saperti berikut:—

- Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab, Ilmu Fizik/Sain Kejuruteraan, Bahasa Melayu, Ugama Islam, Pertukangan Besi, Geometrical Drawing, Pertukangan Kayu.
- Latihan Vokeshenal akan di-jalankan dalam jurusan Pemeliharaan Kenderaan dan Radio bagi melayakkan diri untuk latihan lanjutan.
- Menjalani latihan ketenteraan sa-hingga ka-peringkat soldadu terlatih untuk menanamkan disiplin diri, kepercayaan diri sendiri, kebolehan membuat kerja2 dan akhir sekali untuk memimpin.
- Chawangan Askar Muda juga menyediakan lain2 kemudahan saperti permainan dan sokan, lawatan2 serta latihan pengembaraan.
- Kegemaran2, sa-bahagian besar di-sediakan.

3. Chawangan Askar Muda menyediakan kemudahan alat2 dan kewangan untuk pelajar2 saperti berikut:—

- Tempat tinggal dan makan perkhuma.
- Buku2 teks dan buku tulis perkhuma.
- Pakaian dan Dhobi perkhuma.
- Yuran2 peperiksaan ada-lah di-bayar.
- Wang saku sa-banyak \$60 - \$78 sa-bulan. Elaun tambahan akan di-bayar kepada sesiapa yang telah di-naikkan Pangkat. Apabila meningkat umur 17½ tahun akan menerima gaji rekrut biasa \$500.00 sa-bulan.
- Kenderaan untuk balek ka-kampung di-sediakan perkhuma semasa berchuti.

4. Berikut ada-lah syarat2 masuk:—

- Keputusan peperiksaan BJCE yang baik. Pemilihan pemohon ada-lah berdasarkan pada keputusan peperiksaan perkhuma yang di-sahkan oleh Guru Besar dan pemilihan akhir ada-lah bergantung kepada sokongan2 Lembaga Pemilih. Chalun2 yang terpilih akan memasoki Chawangan Askar Muda, Pasukan AMDB pada 1 Januari 1982.
- Chalun2 hendak-lah sa-orang ra'ayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, yang tergolong daripada 7 puak jati Brunei.

MEMBUAT LATEHAN2 PENGEMBARAAN



3. Latihan pengembaraan di-luar negeri, yang baik dan memuaskan demi untuk menyamai sifat2 kepemimpinan.

- Chalun2 hendak-lah berumur di-antara 15 - 16 tahun pada 1hb. Januari 1982.
- Chalun2 hendak-lah sehat tuboh badan dan chenderong dalam sokan dan permainan dan telah mewakili sa-kurang2-nya dalam mana2 satu permainan di-peringkat sekolah atau Daerah.
- Mempunyai kebenaran ibu/bapa atau penjaga.
- Dan boleh meyakinkan Lembaga Pemilihan tentang kechergasan, kebolehan dan sifat2 kepimpinan.
- Pemohon2 yang chenderong boleh-lah menulis terus kepada alamat berikut untuk mendapatkan maklumat lanjut:—

PEGAWAI PENGAMBILAN PASOKAN
PUSAT LATEHAN, AMDB
PERKHEMAHAN BOLKIAH BRUNEI.

Talipon : 30531 Samb : 01/02

**TARIKH TUTUP
6HB JULAI 1981**

**BORANG PERMOHONAN
BOLEH DI-DAPATI DARIPADA
GURU KERJAYA
ATAU
DI-PEJABAT PENGETUA**

KERJAYA DALAM PASOKAN AMDB

ANGGOTA ANGKATAN LAUT

1. Menjalani latihan asas tentera 25 minggu dan akan menerima gaji pokok sa-banyak \$500.00 sa-bulan dan alaun permakanan \$186.00, jumlah \$686.00.
2. Di-tempatkan di-kapal2 Angkatan Laut Diraja apabila tamat latihan dan akan menerima salah satu daripada tiga tangga gaji pokok bergantung kepada kelayakan masing2 seperti berikut sa-tahun sa-lepas tamat menjalani latihan asas sa-bagai rekrut :
 'B' — \$545.00 — \$665.00, alaun permakanan \$186.00 jumlah — \$731.00 — \$851.00
 'A' — \$565.00 — \$685.00, alaun permakanan \$186.00 jumlah — \$751.00 — \$871.00
 'X' — \$625.00 — \$750.00, alaun permakanan \$186.00 jumlah — \$811.00 — \$936.00
3. Di-Angkatan Laut juga mempunyai alat2 sistem senjata yang moden dan dari itu kemahiran dalam bidang letrik dan kejuruteraan untuk mengendalikan jentera2 laut amat-lah di-perlukan. Jika awang2 pemuda raayat Kebawah DYMM maka tenaga awang2 amat-lah di-perlukan untuk memenuhi bidang ini. Ini hanya-lah merupakan salah satu daripada chawangan pekerjaan yang terdapat di-Angkatan Laut. Pembangunan yang pesat dalam pasokan ini ada-lah sa-mata2 bagi awang2 untuk mengendalikan-nya.
4. Kenaikan pangkat yang menggalakkan bergantung kepada kemampuan, kebolehan dan kelamaan dalam perkhidmatan.
5. Menerima alaun2, kemudahan2, keistimewaan2 dan kebajikan2 yang lazim di-berikan kepada anggota pasokan seperti alaun menyelam bagi penyelam2 di-dalam pasokan ini.
6. Jika mempunyai kebolehan dan kelayakan yang terkemuka boleh di-sokong untuk menjadi pegawai bertaualiah dalam pasokan ini.
7. Berhak berpenchen sa-lepas perkhidmatan 15 tahun, tetapi perkhidmatan boleh di-lanjutkan sa-hingga 20 atau 25 tahun mengikut kemahuan sendiri dan mendapat sokongan.



Sa-bagai Pertukangan Jurutera Ahli Bomba dan Pancharagam

SHARAT2 KEMASOKAN

1. Raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan tergolong daripada salah satu dari tujuh puak jati Melayu : Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.
2. Pemohon2 yang menjadi Warganegara Brunei yang tidak tergolong kepada salah satu daripada tujuh puak jati Melayu yang beragama Islam dan mengamalkan adat resam orang2 Melayu Brunei ada-lah berhak menjadi pemohon2 yang memenuhi syarat2 kemasokan.
3. Bujang atau kahwin.
4. Berbadan sehat.
5. Berumur 17½-25 tahun.
6. Tinggi tidak kurang daripada 5 kaki 1 inchi.
7. Berat badan tidak kurang daripada 105 paun.
8. Sa-rendah2-nya Darjah Enam Melayu atau Primary Enam Inggeris. Kelulusan yang lebih tinggi ada-lah sangat di-alu-alukan.

ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI KERJAYA SA-BAGAI TENTERA BERJALAN KAKI/ANGGOTA ANGKATAN LAUT

Nama :

No. Kad Pengenalan : Warna :

Tarikh lahir : Tempat lahir :

Alamat :

Nama Warith : Tarikh lahir :

Hubongan : No. Kad Pengenalan :

Alamat Warith :

Nama Sekolah :

Tingkatan :

Kelulusan :

Kerjaya yang di-pilih :

No. Talipon :

Tarikh :

Tandatangan



TENTERA BERJALAN KAKI

1. Menjalani latihan asas tentera 25 minggu dan akan menerima gaji pokok sa-banyak \$500.00 sa-bulan dan alaun permakanan \$186.00 jumlah \$686.00.
2. Di-tempatkan di-kompeni2 dalam battalion apabila tamat latihan dan akan menerima gaji pokok \$545.00-\$665.00, alaun permakanan \$186.00 jumlah \$731.00-\$851.00 sa-telah genap perkhidmatan sa-tahun sa-lepas tamat menjalani latihan asas sa-bagai rekrut.
3. Di-berikan kursus2 tempatan dan luar negeri dalam bidang infantri mengikut kebolehan, kelamaan dan pangkat.
4. Kenaikan pangkat yang menggalakkan bergantung kepada kemampuan, kebolehan dan kelamaan perkhidmatan.
5. Menerima alaun2, kemudahan2, keistimewaan2 dan kebajikan2 yang lazim di-berikan kepada anggota2 pasokan.
6. Jika mempunyai kebolehan dan kelayakan yang terkemuka boleh di-sokong untuk menjadi pegawai yang bertaualiah.
7. Berhak berpenchen sa-lepas perkhidmatan 15 tahun, tetapi perkhidmatan boleh di-lanjutkan sa-hingga 20 atau 25 tahun mengikut kemahuan sendiri dan mendapat sokongan.



Sa-banyak lapan Pusat2 Pengambilan akan di-adakan di-ke-empat2 daerah seperti yang di-umumkan melalui Radio dan Talivishen. Latihan bagi pengambilan yang akan datang ia-lah pada 7hb September, 1981.

Datang-lah ka-alamat di-bawah untuk mendapatkan maklumat lanjut. Dan jika awang berminat isikan-lah borang yang di-sediakan dan hantarkan kepada :

PEJABAT PENGAMBILAN PASOKAN
PUSAT LATEHAN
ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI
PERKHEMAHAN BOLKIAH
BRUNEI

TALIPON No: 30531 Sambongan 01/02.

MEMBACHA AL-KOR'AN RENGKAT SA-NEGERI


PERANGKATAN Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin (bawah kanan) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mahamad Bolkihah, ka-pertandingan tersebut telah di-alu2kan oleh Y.B. Pehin Orang Kaya Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain dan ahli2 jawatankuasa peraduan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei menyampaikan hadiah kepada naib-johan qari, Awg Wasli bin Haji Abu Bakar (atas) dan naib-johan qariah, Dayangku Saadiah bte Pengiran Haji Tuah.



DAYANG Hajjah Siti Ara bte Haji Idris (kiri), yang telah berjaya menjadi johan qariah sementara gambar bawah ia-lah Astaka yang di-hiasi dengan lampu2 yang berwarna warni di-mana pertandingan dua malam berturut-turut itu di-adakan.



KERAJAAN SENTIASA MEMBERI GALAKAN BIDANG SOKAN

BERAKAS. — Kerajaan sentiasa memberikan galakan2 dan kemudahan2 yang banyak supaya bidang sokan dapat berkembang dengan baik dan sempurna di-negeri ini.

Dan antara usaha yang besar yang menampakkan sokongan kerajaan terhadap bidang ini ialah Stadium Brunei yang kini sedang dalam proses pembinaan-nya serta seperti mana yang di-fahamkan ranchangan2 pembinaan banyak lagi kompleks sokan di-sekolah2 dan maktab2.

PERADUAN

Demikian telah ditunjukkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Harimau Padang Dato Seri Laila Jasa Leftenan Kolonel Haji Husin bin Ahmad ketika merasmikan Sokan Sekolah2 Rendah Kawasan Brunei Dua yang berlangsung di-sini pada minggu lalu.

Menyentuh tentang sokan yang di-anjorkan itu, Yang Dimuliakan Pehin menjelaskan ada-lah mustahak bagi kita untuk memupok perpaduan dalam pertemuan2 yang berchorak kesokanan serupa ini kerana ia-nya di-timbulkan dalam bentuk per-sefahaman dan disiplin yang taat kepada sokan dan bukan hanya sa-kadar untuk menchari kemenangan.

Yang Dimuliakan Pehin menjelaskan, tujuan sokan yang sa-benar ia-lah untuk menunjukkan disiplin serta perchara kepada diri dan hormat kepada orang lain dan jangan mengangap sepi pihak2 yang lain.

ASOHAN BAIK

"Mudah2an perasaan saumpama ini akan di-pupok dengan baik di-bawah asohan pihak2 yang berkenaan terutama guru2 dan ibu-bapa supaya dengan asohan yang baik itu pelajar2 yang ada sekarang akan menjadi pemuda2 yang boleh di-harapkan dalam soal2 pendidikan dan pelajaran hasil dari perasaan dan semangat kesokanan yang di-pupok dari masa sekarang ini."

Johan Tutong II

TUTONG. — Sekolah Melayu Rambai telah munchol menjadi johan bagi acara sokan antara sekolah2 rendah Melayu di-bahagian Tutong Dua yang telah berlangsung di-Padang Sekolah Melayu Abd. Rashid Tanjung Maya di-sini minggu lalu.

Sokan tersebut telah dirasmikan oleh Penguasa Penjara, Awang Abdul Wahab bin Haji Mohammad Said dan telah di-serai oleh lebih daripada 300 orang murid.



YDM Pehin Datu Harimau Padang Dato Seri Laila Jasa Lt Kol Haji Husin.

Pendidikan jasmani sahaja, tambah Yang Dimuliakan Pehin lagi, tidak akan mencukupi untuk menjadikan hidup seseorang itu sempurna penoh berdisiplin tanpa adanya pendidikan jiwa atau pun pendidikan rohani yang chuma dapat di-perolehi dari didekan Ugam yang boleh membersehhkan dan menolong menguatkan disiplin jiwa.

"Sokan hanya boleh membersehhkan dan menolong menguatkan bidang2 lahiriah sedangkan bidang2 batiniah ada-lah memerlukan kepada suatu tenaga yang kuat untuk mengawal-nya," jelas Yang Dimuliakan Pehin lagi.

Tarek kalat Majlis Sokan Pulis

GADONG. — Perlawanan tarek kalat ada-lah merupakan satu daripada projek tahunan yang di-anjorkan oleh Majlis Sokan Pasokan Pulis Diraja yang hanya terbuka kepada chawangan2 dalam pasokan tersebut.

Baru2 ini telah berlangsung perlawanan tarek kalat yang di-anjorkan oleh majlis tersebut dan sa-banyak 10 buah pasokan dari berbagai chawangan pasokan Pulis telah mengambil bahagian.

Dalam perlawanan ter-



sebut sa-banyak lima pasokan telah bertarong dalam bahagian berat badan 150lb ka-atas dan lima lagi yang lain-nya dalam bahagian 150lb ka-bawah.

HADIAH

Di-akhir perlawanan Pasokan Chawangan 'B' dari Bandar Seri Begawan telah berjaya menjadi johan dalam bahagian 150lb ka-atas sa-telah mengalahkan Pasokan Chawangan 'E' dari Kuala Belait yang mana dengan sendiri-nya menjadi naib johan. Perlawanan dalam bahagian ini ada-lah bagi merebut piala yang di-hadiahkan

oleh DSP Mohammad bin Yussof.

Sementara itu dalam bahagian 150lb ka-bawah bagi merebut piala yang di-sumbangkan oleh Supt. Lim Peng Kit Pasokan Chawangan 'A' dari Bandar Seri Begawan telah berjaya menjadi juara sa-telah menewaskan Pasokan Chawangan 'E' dari Kuala Belait yang dengan sendiri-nya menjadi naib johan.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Penolong Pesuruhjaya Pulis, Dato Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Awg. Haji Abdul Rahim.



KETUA pasokan Pulis Chawangan 'B' yang memenangi perlawanan dalam bahagian berat badan 150lb ka-atas, Sgt Abdul Ghani bin Sheikh Abdullah sedang menerima piala yang disampaikan oleh Penolong Pesuruhjaya Pulis Dato Haji Ismail.

Borang penyertaan tarek kalat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Borang2 penyertaan perlawanan tarek kalat sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ka-35 tahun bagi Daerah Brunei/Muara boleh di-

dapati dari Pengiran Mohammad bin Pengiran Sharifuddin, JKR dan Awangku Dura-man bin Pengiran Omar Ali di-RTB.

Borang tersebut hendak-lah di-kembalikan tidak lewat pada 30hb. Julai, 1981 ini.



SALAH satu perlawanan liga RTB. Perlawanan ini ia-lah di-antara Bahagian Ranchangan dengan operesin.

Berbagai

sokan di-

di-Daerah

KUALA BELAIT. —bagai acara sokan di-susun sempena an Hari Keputeraan bawah Duli Yang Mulia Paduka Baginda Sultan dan Pertuan yang bagi Daerah Belait.

Jawatankuasa daerah ini buat kali-nya juga akan anjorkan sokan (track and field) banyak 30 acara pertandingan BORANG PENYERTAAN

Borang2 penyertaan gi acara2 tarik bolasepak dan kini belum lagi kan tetapi mengenai dengan ini boleh-lah di-daripada Awang bin Apeng, Pegawai dan Sokan, di-Pesabajikan Belia dan di-sini.

Ahli2 Beng

Drama PEM

lawat RT

KUALA BELAIT. —rombongan 28 orang Bengkel Drama Belia Belait, (PEM) telah membuat ka-Bahagian Talivishen, RTB ini.

Rombongan ketua oleh A Omar bin Pengiran Damit, Setiausaha tersebut telah bawa untuk beberapa bahagian itu.

Awangku Omar kami hubungi menjelaskan ngan dari bang akan sekali lagi lawatan ka-Bahagian Talivishen, RTB dalam pertengahan Ogos depan.

PEMANTASAN

Di-tanya mengenai ngan aktiviti2 kel drama itu, A Omar memberitahu mereka akan satu pementasan sempena Hari Raya akan datang projek pertama pada tahun ini.

Sementara bengkel drama tambah Awang lagi terus membina an2 mereka pada hari Ahad di-bahagian Kebajikan Sokan di-sini.

BARAN

AN

Kampong Terpuji

kapada isteri-nya dan anak. Oleh berat menanggung bathin, Johan teranga kerana me- isteri-nya lalu terkena pechahan. Dari peristiwa itu Johan tela menjadi harta2-nya telah dia jatuh miskin, menderita.

ama ini juga ter- an seram di-mana ri-nya yang telah kapada-nya hingga dor.

kesudahan cherita a-mana-kah Johan ada-kah Jo beristeri dua dan kedudukan anak2 ama yang di-penohi ehan dan penderi- at hati ini akan amaran betapa pe- keinsafan datang si menjadi bubor.

penggambaran un- ai ia-lah di-Kam- ak, OB Base Bera- anterbang Antara- Pegawai AMDB, at Besar dan kawa- Brunei.

apa menyaksikan GORBANAN dalam Raya nanti.

DARI minggu ka-minggu, siri ranchangan Kampong Terpuji terbitan Bahagian Melayu Radio Brunei ini akan terus menemui awda pendengar berbagai2 bentuk persembahan dan cho- rak yang berlainan dari setiap kampong yang di- kunjongi. Namun demi- kian, ia-nya tidak menje- jaskan tujuan asal rancha- ngan ini di-ketengahkan kapada pendengar, demi memperlihatkan beberapa topik perkembangan dan kemajuan bagi sa-tiap kampong yang menyertai ranchangan ini.

Untuk mengetahui apa isi ranchangan Kampong Terpuji minggu ini, Penerbit Ranchangan Manaf Adam dan Ali Haji Aji akan membawa awda un- tok mengikuti perkemba- ngan yang terdapat di- Kampong Sibut, Tembu- rong.

Awda jangan lupa un- tok mengikuti siaran-nya yang akan ka-udara pada hari Ahad, 5hb. Julai, 1981 jam 2.00 petang.

SA-BAHAGIAN dari pelakon2 drama 'Pengorbanan' bergambar ramai sa-belum lathan2 di-mulakan di-salah sa-buah rumah di-Kampong Lambak, sementara gambar ba- wah, pekerja2 Yunit Siaran Luar RTB me- nyediakan alat yang di-perlukan untuk penggambaran.



RANCHANGAN TVP DARI 6HB HINGGA 12HB JULAI

ISNIN — 6HB JULAI

PETANG

- 3.45 KAP KAP UDANG 383.
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 seperti BELON SI-MANIS, KERJA TANGAN, GAMBAR DARI RUMAH, MAIN BAKUL, MAIN BANG dan CHERMIN SAKTI.

Ruangan kerja tangan Che'gu Rokiah akan menunjukkan chara membuat kotak pensel.

SELASA — 7HB JULAI

PETANG

- 3.45 KAP KAP UDANG2 384.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti MAIN BAKUL, LIHAT DAN PERHATI, PA' LONG, SI-MANIS, HALAMAN BINATANG dan CHERMIN SAKTI.

Halaman binatang, Che'gu Rokiah akan bercerita dan menunjukkan dua ekor anak itek.

RABU — 8HB JULAI

PETANG

- 3.45 KAP KAP UDANG 385.
Ranchangan kali ini di-muati dengan

aktiviti2 seperti BERSENAH, YANG MANA GANJIL, BERCHERITA, KATA SI-MANIS, MENGATOR GAMBAR dan CHERMIN SAKTI.

Halaman bercerita Che'gu Rokiah akan bercerita dari hal Nyamok Yang Sombong.

KHAMIS — 9HB JULAI

PETANG

- 3.45 KAP KAP UDANG 386.
Dalam ranchangan kali ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti MAIN BAKUL, HALAMAN MENGAJAR, AMINAH, LUKISAN DARI RUMAH, MENYANYI DENGAN GAYA dan CHERMIN SAKTI.

JUMAAT — 9HB JULAI

PETANG

- 3.45 KAP KAP UDANG.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti MAIN KUDA, DI-MANA TEMPAT-NYA, AMINAH, PA' LONG, GAMBAR DAN SEBUT-AN dan CHERMIN SAKTI.

Ruangan GAMBAR DAN SEBUTAN, Che'gu Rokiah akan menggunakan huruf 's'.

SABTU — 11HB JULAI

PETANG

- 3.45 KAP KAP UDANG 387.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti IKUT KETUA, KERJA TANGAN, MAIN KERUSI, GAMBAR DAN SEBUTAN, PETI SURAT dan CHERMIN SAKTI.

Ruangan kerja tangan Che'gu Rokiah akan membuat tempat menyimpan surat.

AHAD — 12HB JULAI

PETANG

- 3.45 KAP KAP UDANG.
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 seperti BERSENAH, TUNJOK BENDA, AMINAH, MENYANYI DENGAN GAYA, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.

Tajok cherita Che'gu Rokiah hari ini ia-lah "Penunggu Sungai Kiang.".

ranchangan2 RADIO

WAKTU SIARAN :

DI-MULAI jam 6.00 pagi hingga pukul 2.00 petang. Dan dari jam 5.00 petang sa-hingga 10.30 malam, bagi hari2 Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis.

Dari jam 6.00 pagi sa-hingga 10.30 malam bagi tiap2 hari Jumaat, Sabtu dan Ahad.

TIAP2 HARI :

6.00-6.02 pagi :	Allah Peliharakan Sultan	7.30 malam dan	
6.02-6.30 pagi :	Sinaran Wahyu	1.00 tengah hari :	Majallah Radio, siaran asal dan ulangan (kechuali hari Khamis)
6.30-8.30 pagi :	Dendang Suria Bingkisan Hari Ini Suntingan Hidayah Peringatan Harian Panduan Sokan Bertutor Dalam Bahasa Inggeris	6.00 petang :	Siri Mukkaddam Bingkisan Hari Ini Siaran langsung menunai-kan sembahyang Fardhu Maghrib
12.00-12.45 T/H :	Sajian Tengah Hari (Mem-persembahkan lagu stereo) kechuali hari2 Khamis, Ju-maat dan Ahad.	10.15 malam :	Bachaa Al-Kor'an
		10.24 "	Do'a Restu
		10.29 "	Allah Peliharakan Sultan.

WARTA BERITA :

7.00 pagi	(Berita2 dalam negeri)
10.00 pagi	
12.45 tengah hari	
1.30 t/hari	(tiap2 hari Jumaat)
3.00 petang	(tiap2 hari Jumaat, Sabtu dan Ahad)
5.30 petang	
8.00 malam	
8.15 malam	(Berita2 dalam Bahasa Iban)
10.00 malam	(Rengkas Berita).

Menyiarkan AZAN:

Dzohor
Asar (tiap hari Jumaat, Sabtu dan Maghrib
Isha.

Hari Rabu 1hb. Julai

PAGI :

8.30	Rimba Raya (SU)
8.45	Permintaan pagi Rabu
10.15	Rampaijan Jogat
10.30	Surat Dari London
10.45	Riang Ria
11.00	Taman Mekar (SU)
11.30	Autograph Pendengar (SU)

T/HARI :

1.30	Persembahan-ku
------	----------------

PETANG :

5.03	Untuk Belia
5.45	Senandung Ria

MALAM :

7.00	Asli Rama
8.30	Bingkisan Tanah Ayer (SU)
9.00	Serbanika Hiboran (SU)
9.30	Chitra Irama (SU).

Hari Khamis 2hb. Julai

PAGI :

8.30	Ruangan Ketani (SU)
9.00	Dendang Antarabangsa
9.30	Pilehan Pendengar
10.15	Lagu2 Jenaka
